

“KITA adalah dituntut supaya banyak-banyak bersabar dan reda menerimanya, selaku ujian daripada Allah. Pahala dari kesabaran itu insya-Allah, akan dijawab oleh orang-orang yang berkenaan sejajar dengan tingkat kesabaran masing-masing. - Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi.

“MENYINTAI orang fakir termasuk pekerti para nabi dan benci orang miskin termasuk pekerti Fir’aun.”

- (Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam).

Brunei Hargai Sokongan Jepun



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan dengan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe yang berlangsung di kediaman rasmi Perdana Menteri Jepun.

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Tokyo, Jepun

TOKYO, JEPUN, Isnin, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan kegembiraan baginda atas hubungan ekonomi Negara Brunei Darussalam dan Jepun semakin kukuh, yang mana negara tersebut sebagai salah sebuah pelabur asing utama Negara

Brunei Darussalam dan juga pelanggan yang amat penting bagi minyak dan gas.

Kerjasama dua hala, tambah baginda, juga diperluaskan kepada bidang-bidang pendidikan, pertanian dan kesihatan. Terdapat juga bertambahnya pertukaran-pertukaran masyarakat terutamanya para belia dan juga meningkatnya interaksi antara pegawai-pegawai kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta His Imperial Majesty Emperor Akihito of Japan dan Her Imperial Majesty Empress Michiko berkenan bergambar kenangan ketika berangkat ke Majlis Santap High-Tea.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah balas baginda semasa berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan dengan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe yang berlangsung di Kediaman Rasmi Perdana Menteri Jepun pada hari kedua keberangkatan kerja baginda ke Tokyo, Jepun.

Turut berangkat mengiringi keberangkatan baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Ke muka 12 & 13

Sejarah, tamadun Borneo perlu perhatian

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

DI DALAM



Muka 3

TINGKAT kerjasama pengumpulan bahan, pengkajian Borneo



Muka 4

YANG Di-Pertua MNM terima kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan, pengumpulan dan penyebaran sumber sejarah Borneo merupakan sebagai aset bagi pembangunan dan kemakmuran negeri dan wilayah di kawasan Borneo.

Ini, katanya, kerana Borneo atau Kepulauan Borneo selalu dikaitkan dengan alam semula jadi yang kaya dengan *bio-diversity*, kepulauan yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan destinasi yang sangat menarik bagi *ecotourism*.

Yang Berhormat berucap demikian pada Majlis Perasmian Konvensyen penBorneo 2013 di Pusat Pengkajian Borneo, Bangunan Flat Kerajaan Anggerek Desa, di sini.

Ke muka 3

Perwakilan FIFA teliti perkembangan NFABD

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) yang juga Presiden Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) mengadakan mesyuarat bersama dengan dua orang pegawai dari Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) di NFABD House di Jalan Persidangan, di sini.

Mesyuarat tersebut antara lain tertumpu pada Program Pengurusan Bolasepak FIFA selain untuk menilai dan meneliti pasukan kebangsaan.

Selepas mesyuarat, Pegawai FIFA dalam Bahagian Pembangunan Bolasepak, Mr. Jeysing Muthiah berkata kehadiran mereka ke negara ini adalah untuk membantu NFABD dalam melaksanakan pelan tindakan dua tahun mereka selain membantu dalam bidang pentadbiran dan juga bidang teknikal semata-mata bagi kemajuan bola sepak di negara ini.

Ke muka 24

Ciri-ciri kebruneian, kualiti dalam reka bentuk Jambatan Temburong

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Selamat petang dan salam sejahtera

ALHAMDULILAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Menandatangani Memorandum of Agreement (MoA) dan kontrak-kontrak di bawah Projek Jambatan Temburong pada petang ini.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua *consultant* dan kontraktor yang telah berjaya mendapatkan kontrak-kontrak di bawah Projek Jambatan Temburong.

Ini adalah satu detik yang amat signifikan dan bersejarah kerana akhirnya pembinaan Jambatan Temburong menjadi kenyataan dengan penandatanganan MoA dengan Konsultan Ove Arup dan Rakan-Rakan selaku Civil and Structural Consultant. Dengan Majlis Penandatanganan MoA ini maka dengan rasminya bermulalah kerja-kerja reka bentuk projek ini yang akan berjalan selama beberapa bulan sebelum projek ini ditawarkan nanti insya-Allah.

Jambatan ini nanti akan merentasi perairan Brunei melalui jambatan sepanjang kira-kira 14 kilometer dan menjadikan panjang keseluruhan jalan dan jambatan sejauh 30 kilometer yang mana menghubungkan Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong iaitu bermula dari Jalan Utama Mentiri hingga ke Labu Estet. Setelah projek ini siap nanti ia akan mempercepatkan lagi perjalanan berulang alik bagi kedua-dua daerah ini dalam jangkaan masa perjalan kira-kira 30 ke 40 minit sahaja. Projek ini juga akan menjadi mercu tanda bagi Negara Brunei Darussalam dan merupakan satu projek mega Kementerian Pembangunan. Dari itu, pihak Kementerian Pembangunan dengan sedaya upaya akan memastikan semua aspek projek jambatan ini dari reka bentuk yang menepati ciri-ciri ke-Bruneian hinggalah kepada kerja-kerja *construction* dan *quality* jambatan yang siap itu nanti mencerminkan satu kerja *engineering* yang boleh dibanggakan.

Di dalam Majlis Penandatanganan ini, kita juga telah menyaksikan penandatanganan

kontrak-kontrak di bawah Projek Jambatan Temburong iaitu beberapa projek penyelidikan seperti Comprehensive Environmental Impact Assessment, penyelidikan tanah dan empat (4) kontrak pengukuran dan Geofisikal Marin yang diperlukan di dalam proses mereka bentuk struktur Jambatan Temburong itu nanti.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada pihak konsultan-konsultan yang dilantik dan juga kontraktor-kontraktor yang diberikan projek penyelidikan di bawah projek Jambatan Temburong agar dapat memberikan perkhidmatan yang bermutu dengan kepakaran yang dimiliki, sesuai dengan imej dan prestasi serta fungsi jambatan itu, sebanding jika tidak lebih baik dengan projek-projek jambatan di rantau ini.

Khusus untuk konsultan dan kontraktor tempatan yang baik secara langsung mahupun tidak langsung terlibat dengan projek ini diharapkan akan dapat memanfaatkan peluang keemasan ini dengan sebaik-baiknya apatah lagi apabila terdapatnya peluang untuk bekerjasama dengan pakar-pakar dari luar negara.

Di samping itu, kepada semua agensi-agensi kerajaan yang terlibat sama di dalam penyediaan awal baik secara langsung mahupun tidak diharapkan agar memberikan komitmen yang tinggi dan kerjasama yang padu demi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan seperti yang diharapkan dan insya-Allah, dapat mencapai matlamat untuk menyiapkan projek pembinaan jambatan ini pada suatu tarikh yang telah dijangkakan. Apa yang penting dan perlu kita ketahui projek ini adalah projek nasional yang bukan Kementerian Pembangunan sahaja sebagai *stakeholder* tetapi hampir semua agensi-agensi kerajaan yang lain.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Over Arup dan Rakan-Rakan di atas lantikannya sebagai Civil & Structural Consultant untuk mereka bentuk dan seterusnya melaksanakan pemantauan bagi Projek Jambatan Temburong ini nanti. Saya penuh berharap agar pihak konsultan ini akan dapat memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik bagi memastikan projek ini akan berjalan dengan lancar dan berkualiti tinggi.

“JAMBATAN ini nanti akan merentasi perairan Brunei melalui jambatan sepanjang kira-kira 14 kilometer dan menjadikan panjang keseluruhan jalan dan jambatan sejauh 30 kilometer yang mana menghubungkan Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong iaitu bermula dari Jalan Utama Mentiri hingga ke Labu Estet. Setelah projek ini siap nanti ia akan mempercepatkan lagi perjalanan berulang alik bagi kedua-dua daerah ini dalam jangkaan masa perjalan kira-kira 30 ke 40 minit sahaja.”



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Penandatanganan Memorandum of Agreement dan kontrak-kontrak di bawah Projek Jambatan Temburong pada hari Khamis, 28 Jamadilakhir 1434 bersamaan dengan 9 Mei 2013 bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Seperti yang kita sama-sama maklumi projek ini adalah merupakan projek mega yang julung-julung kalinya dilaksanakan di negara ini dan sememangnya akan menaikkan imej negara kita di persada antarabangsa melalui pencapaian teknologi pembinaan infrastruktur ini.

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada :-

- Konsultan MWH;
- TECA (B) Sendirian Berhad;
- Juruukur Taib Said (JTS);
- Juruukur Bersatu Konsultan (JBK);
- Juruukur Perunding Services (B) (JPS); dan
- Juruukur CMK Konsultant

atas lantikan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelidikan di bawah Projek Jambatan Temburong. Semoga penglibatan ini akan dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya dan sekali gus dapat menambahkan lagi pengalaman di bidang kepakaran masing-masing menerusi projek berskala mega ini. Ketepatan dan *reliability* dapatan-dapatan daripada kerja-kerja penyelidikan ini juga amatlah penting untuk menghasilkan reka bentuk struktur jambatan yang utuh seperti yang diharap-harapkan.

Dari Sidang Pengarang.

15 MEI 2013 BERSAMAAN 1434 رجب 5

HARGAI SETIAP PEMBAHARUAN UNTUK KESEKINAN SEMUA

DALAM usaha untuk memantapkan lagi keselamatan di jalan raya, Kementerian Perhubungan telah melancarkan kad memandu yang baru. Kad ini menarik kerana disertai dengan gambar pemandu sebagai tambahan bagi ciri-ciri keselamatan dan juga dari penipuan.

Tetapi apa yang penting, sikap dan meneliti kitani selaku orang Brunei perlu diubah. Walau berulang kali kempen-kempen dan peringatan dikeluarkan bagi sama-sama menjaga keselamatan tetapi jika tidak ada dipraktikkan keadaan tetap akan sama. Walau berapa banyak kemudahan dan kesenangan disediakan untuk kitani tetapi jika tidak tahu menghargai tidak bererti juga. Sikap tidak mahu menerima perubahan juga perlu dikikis kerana sikap seperti ini boleh memundurkan kemajuan dan pembangunan sesebuah negara.

Memang sesuatu kejayaan itu perlu ada percubaan untuk melihat sama ada ianya berjaya atau tidak dilaksanakan. Kritikan membina perlu dalam menambah-baikkan lagi segala perancangan. Tetapi jika tabiat tidak berubah, semua ini hanya sia-sia dan membazir masa, tenaga serta wang.

Apa yang menarik, lesen memandu baru ini juga melibatkan pemandu yang berumur 70 tahun ke atas yang mana lesen memandu dikeluarkan untuk mereka setahun sahaja. Bagi keselamatan mereka ini perlu menghidari temu ramah dan menandatangani borang 'self-certify fit to drive' di hadapan pegawai sebelum lesen mereka diperbaharui. Prosedur ini penting dilaksanakan terlebih dahulu untuk menyakinkan pihak berkuasa sama ada mereka ini layak dibagi lesen memandu atau tidak. Langkah-langkah seperti ini sangat praktikal dan bukan untuk menyusahkan sesiapa. Keselamatan di jalan raya adalah penting bagi semua pengguna dari pemandu berumur 18 tahun ke atas hinggalah berumur 70 tahun. Jadi tidak timbul soal pilih kasih, menyusahkan kerana undang-undang yang dibuat adalah untuk kebaikan bersama.

Perlu kitani tahu juga bahawa undang-undang yang diperkenalkan di sini sama seperti yang telah dilakukan di negara barat. Kitani bukan mengikut tetapi aspek keselamatan itulah yang diutamakan. Kitani tidak mahu jika ada suatu kemalangan yang melibatkan pemandu yang sudah berumur, tidak ada pihak yang mahu bertanggungjawab bahkan tuduh menuduh boleh berlaku.

Kitani seharusnya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah membuat pelbagai inisiatif dan pembaharuan semata-mata untuk keselamatan dan kemudahan pengguna di jalan raya. Pengenalan Sistem Demerit, pemasangan lampu isyarat di pusing keliling jalan utama antara perkara yang dilaksanakan secara besar-besaran.

Kitani sebagai rakyat perlu melihat pembaharuan ini bukan untuk menyusahkan tetapi ianya semata-mata untuk kebaikan. Antaranya mencegah penipuan kad memandu kerana dikuatiri para belia di bawah umur yang begitu teruja untuk menunjukkan kemahiran mereka memandu di hadapan kawan-kawan tidak terlalu 'iski' dengan menggunakan lesen memandu orang lain. Di sinilah kitani dapat melihat kebaikan lesen baru tersebut kerana disertakan gambar pemandu yang bererti lesen tersebut tidak dapat dipinjamkan kepada orang lain.

Lesen baru ini dapat menggalakkan pemilihan lesen pemanduan yang sah. Begitu juga dalam memberikan pendidikan tentang undang-undang jalan raya serta membina etika pemanduan yang berhemat. Mudah-mudahan kitani dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai kadar kemalangan jalan raya yang minimum kerana untuk menjadikan kemalangan sifar adalah suatu yang mustahil jika tabiat pemandu masih ditakuk lama. Apa yang penting sikap kitani dalam menandai dan mendukung setiap pembaharuan yang dibuat untuk kebaikan bersama. Tanpa adanya kerjasama daripada semua pihak, pembaharuan tidak akan dapat mencapai matlamatnya. Janganlah kita menjadi orang yang rugi kerana mensia-siakan segala kebaikan yang dibuat. - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratihi Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentyt Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail
Pg. Arsul Pg. Haji Abd. Momin

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahrwan Wan Ahmadi,
Haniza Abdul Latif

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatrul Hazmi Abdul Hamid,
Juraimah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin



AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Tingkat kerjasama pengumpulan bahan, pengkajian Borneo

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mei. - Sebagai salah sebuah institusi pusat sumber rujukan dan pengkajian mengenai persejajaran Negara Brunei Darussalam, Pusat Sejarah Brunei (PSB) menganjurkan Konvensyen penBorneo 2013 selama dua hari.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan konvensyen yang berlangsung di Pusat Pengkajian Borneo, Bangunan Flat Kerajaan Anggerek Desa, di sini.

Konvensyen penBorneo 2013 memfokuskan kepada koleksi sumber atau bahan dan pengkajian mengenai Borneo yang merangkumi buku umum, buku nadir, keratan akhbar, majalah, jurnal dan *newsletter*, dokumen, gambar yang mempunyai nilai sejarah dan sebagainya.

Sementara Pengkajian Borneo itu pula memfokuskan kepada pelbagai bidang kajian sejarah Borneo sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial, budaya, kesenian, bahasa dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Terdahulu daripada itu, Timbalan Pengetua Pusat Sejarah, Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Majlis berharap, konvensyen tersebut akan menjadi medan diskusi sumber dan pengkajian sejarah Borneo di antara para penyelidik tempatan dengan para penyelidik di Borneo.

Selain itu, katanya, konvensyen itu juga diharap akan dapat menarik minat orang ramai khususnya generasi belia

untuk membuat kajian dan penulisan mengenai sejarah Borneo dan membantu dalam mempromosikan bahan koleksi Borneo, di samping memberi kesedaran mengenai kepentingan koleksi itu kepada masyarakat dan menggalakkan penggunaannya.

Pada konvensyen itu tetamu kehormat dan para jemputan juga menyaksikan pameran.

Sebanyak 32 pakar dari tiga buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia membentangkan kertas kerja mereka pada Konvensyen penBorneo 2013 bertemakan Brunei Sebagai

'Jendela Borneo'.

Konvensyen itu bertujuan memper-temukan para penyelidik tempatan dengan para penyelidik Borneo dan luar negara dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama dalam pengumpulan bahan dan pengkajian Borneo.

Di samping itu, ia juga untuk memberikan motivasi dan meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan sejarah Borneo selain menambah pengetahuan dan pengalaman mengenainya.

Konvensyen itu juga diharap akan dapat mendedahkan dan memperkenalkan bahan atau sumber dan kajian-kajian terbaru mengenai sejarah Borneo selain untuk bertukar idea, pemikiran dan pandangan tentang penemuan terbaru dalam kajian-kajian mengenai Borneo yang telah dilaksanakan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menyaksikan pameran yang diadakan di Konvensyen penBorneo 2013.

Pelancaran Borneo Bird Race 2013 pada 1 Jun 2013

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mei. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Sabah dan Kelab Burung Sandakan Borneo buat julung kalinya akan mengadakan Borneo Bird Race 2013 Antarabangsa bermula 31 Mei hingga 9 Jun nanti.

Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Mariani binti Haji Sabtu menjelaskan perkara itu semasa Sidang Media yang berlangsung di bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, di sini.

Beliau menjelaskan, ekopelancongan merupakan salah satu pesaing utama bagi aktiviti dan inisiatif industri pelancongan bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam juga bagi keseluruhan Borneo.

Untuk itu, jelasnya, mereka komited untuk membangunkan dan meningkatkan semua aktiviti pelancongan yang menyokong dan menggalakkan pemuliharaan, perlindungan alam sekitar dan hidupan liar yang menyokong sosioekonomi dengan menyediakan sesuatu untuk masyarakat.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah, Dato' Seri Tengku

Zainal Adlin menjelaskan, pihaknya menggalakkan para penggemar burung (*birdwatching*) menjadikan destinasi burung *tontonan premium* di Borneo bukan hanya dalam rantau ini, tetapi untuk seluruh dunia kerana Borneo mempunyai pelbagai spesies yang tertua dan terkaya.

Majlis Pelancaran Borneo Bird Race 2013 Antarabangsa yang pertama akan diadakan pada 1 Jun nanti bertempat di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

Sebanyak lapan kelab burung dari tujuh negara terlibat dalam Borneo Bird Race ini terdiri dari Hongkong Birdwatching Society, Bird Society of Gujarat, Wild Bird Society of Japan, Wild Bird Club of Philippines, Nature Society (Singapura), Bird Society Taiwan, Wild Bird Society of Taipei dan Bird Conservation Society of Thailand.

Mereka akan bergerak sejauh lebih 1,000 kilometer untuk mencari lebih daripada 400 spesies burung dalam pelbagai *habitat* dari kawasan pantai, air tawar paya dan hutan tanah rendah, bukit-bukit dan banjaran gunung di Sabah dan Negara Brunei Darussalam.

Setiap pasukan akan berusaha merebut 'Bornean Bristlehead Trophy' bagi yang berjaya mendapat dan mengumpul jumlah spesies burung yang tertinggi yang mana semua burung yang dilihat semasa acara itu dikira sebagai rekod sah untuk pemuliharaan.

Destinasi persinggahan pertama akan bermula di Taman Negara Ulu Temburong melalui Sungai Belalong dan dari hutan Negara Brunei Darussalam akan beralih ke bukit-bukit Taman Kinabalu sehingga 1,600 meter di atas paras laut dan berakhir di kawasan tanah rendah Hutan Sepilok di Sandakan.

Aktiviti seumpama ini akan dapat mengukuhkan lagi daya tarikan serta kepentingan penggemar burung di rantau Asia dan bahagian-bahagian lain dunia untuk melawat Negara Brunei Darussalam dan Sabah selain menggalakkan manfaat ekonomi untuk penggemar burung dan ekopelancongan di negara ini.

Tujuan utama Borneo Bird Race adalah untuk menggalakkan pelancongan di Asia serta mewujudkan kesedaran pemuliharaan spesies burung yang unik di Borneo kepada masyarakat tempatan, di samping menggalakkan integrasi rapat dan harmoni melalui Festival Alam di negara-negara jiran di Borneo iaitu Sabah, Sarawak, Negara Brunei

Sejarah, tamadun Borneo perlu perhatian

Dari muka 1

"Ketika ini Kepulauan Borneo mendapat perhatian masyarakat dunia melalui satu projek 'The Heart of Borneo' yang bertujuan bagi mendokong dan mengekalkan alam semula jadi yang kaya di Kepulauan Borneo dalam mana Negara Brunei Darussalam turut sama memainkan peranan yang penting," jelasnya.

Namun demikian menurut Yang Berhormat, satu aspek yang tidak kurang penting yang seharusnya diberikan perhatian dan tumpuan ialah Pulau Borneo juga kaya dengan sumber sejarah dan pembangunan tamadun.

"Menyentuh mengenai sejarah silam Kepulauan Borneo, secara langsung dan tidak langsung, berkait rapat dengan negara dalam mana negara ini ketika itu berperanan sebagai pelakon politik utamanya (Main Political Actor)," ujarnya.

Selain itu, negeri-negeri dan wilayah di Kepulauan Borneo yang merangkumi Brunei, Sabah, Sarawak dan Kalimantan pada abad ke-13 hingga 17 Masihi juga tambahnya mempunyai pertalian yang rapat dari segi politik, sosial, ekonomi, seni, bahasa dan kebudayaan yang berpusat di Brunei.

Dalam hal itu, Konvensyen penBorneo 2013 ujarnya sudah setentunya akan mendekatkan dan membarigakan sejarah Borneo kepada masyarakat Borneo khususnya generasi belia untuk membuat kajian dan penulisan mengenai sejarah Borneo yang masih kekurangan dewasa ini.

Menurut Yang Berhormat, pengkajian dan penulisan sejarah Borneo adalah sangat penting dan amat diperlukan bukan sahaja untuk pengembangan ilmu pengetahuan sejarah malah sumbangannya dalam menyelamatkan khazanah warisan budaya dan sejarah masyarakat Borneo yang masih banyak tersimpan sama ada dalam bentuk lisan mahupun berupa bahan sejarah mentah (*raw materials*).

Melalui konvensyen itu ujarnya dihasratkan supaya kalangan para



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berucap pada Majlis Perasmian Konvensyen penBorneo 2013 di Pusat Pengkajian Borneo, Bangunan Flat Kerajaan Anggerek Desa.

penyelidik tempatan dan luar negara akan berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang dapat digunakan sebagai sumber rujukan yang menjadikan pengkajian selanjutnya akan lebih mudah.

Dengan adanya konvensyen itu juga, katanya, akan dapat memberikan sumbangan yang berharga serta mendorong para penelaah, pengkaji, pelajar dan peminat sejarah untuk membuat kajian lebih meluas dan dapat membuka minda orang ramai tentang kepentingan sumber sejarah Borneo dalam pembangunan negara dan kawasan serantau.

Katanya, Pusat Sejarah Brunei buat julung kalinya menganjurkan Konvensyen penBorneo 2013 tersebut sebagai usaha untuk memperkenalkan pusat pengkajian Borneo atau penBorneo sebagai pusat sumber dan pengkajian sejarah khususnya yang bersangkutan dengan sejarah Borneo.

"Di sinilah peranan Pusat Pengkajian Borneo untuk menyelamatkan khazanah warisan budaya dan sejarah tersebut dari lenyap begitu sahaja tanpa usaha yang lebih komprehensif dilakukan ke atasnya," tambahnya.



PENGERUSI Lembaga Pelancongan Sabah, Dato' Seri Tengku Zainal Adlin semasa menjelaskan mengenai Pelancaran Borneo Bird Race 2013 Antarabangsa semasa Sidang Media yang berlangsung di bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Darussalam dan Kalimantan, Indonesia.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membangun dan meningkatkan infrastruktur hidupan liar serta melengkapi inisiatif 'Heart of Borneo', di samping menyokong dasar-dasar

yang baik untuk meningkatkan pelancongan alam semula jadi.

Turut hadir pada Sidang Media itu, Pengerusi Borneo Bird Festival and Race, Cede Prudente dan Pengurus Operasi Syarikat Sakam Sendirian Berhad, Awang Muhammad Vol bin Momin.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim telah menerima kunjungan hormat daripada para Pemimpin Delegasi Negara-Negara Anggota ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) serta wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa yang berlangsung di VIP Holding Room, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Kunjungan hormat tersebut dihadiri oleh para Pemimpin Delegasi Negara-Negara Anggota AIPA, Setiausaha Agung AIPA, Perwakilan dari ASEAN Political-Security Community (ASEC), pegawai-pegawai kanan ASEAN Senior Official on Drug

Matters (ASOD), Perwakilan dari United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC), Pengerusi AIFOCOM Ke-10, Jurutulis I (Pertama) kepada MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan pegawai-pegawai dari Dewan Majlis (Legislative Council).

Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, juga selaku Presiden Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-34 berkesempatan bergambar ramai yang kemudiannya diikuti dengan pertukaran cenderahati bersama para Pemimpin Delegasi Negara-Negara Anggota AIPA serta perwakilan dari pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa yang



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, juga selaku Presiden Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-34 bergambar ramai bersama para Pemimpin Delegasi Negara-Negara Anggota ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) serta wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa (atas), sementara gambar bawah, Yang Di-Pertua MMN semasa bertukar cenderahati bersama para Pemimpin Delegasi Negara-Negara Anggota AIPA serta perwakilan dari pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa yang mengambil tempat di VIP Assembly Hall.

mengambil tempat di VIP Assembly Hall.

Negara Brunei Darussalam menjadi ahli penuh kepada AIPA pada tahun 2009 dan pada tahun ini buat pertama kalinya bagi negara untuk mempengerusikan Mesyuarat The 10th AIPA Fact-Finding Committee to Combat the Drug Menace (AIFOCOM) dengan kerjasama BKN.

AIFOCOM dihadiri dan disertai oleh semua negara anggota parlimen ASEAN dan pegawai-pegawai parlimen masing-masing serta wakil-wakil ASEC, ASOD, UNODC, dan Sekretariat AIPA.

Mesyuarat yang bertemakan 'Achieving A Drug-Free ASEAN: A Common and Shared Responsibility' akan memulakan sesi pertamanya dengan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sosial.



Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dadah dibentangkan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin semasa membentangkan mengenai Biro Kawalan Narkotik.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mei. - Seramai sepuluh wakil negara 'ASEAN Inter-Parliamentary Assembly' (AIPA) telah menyampaikan kertas pembentangan, berlangsung di salah sebuah hotel antarabangsa di Gadong yang dipengerusikan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Di antara kertas pembentangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai Biro Kawalan Narkotik (BKN) di Jabatan Perdana Menteri, BKN adalah merupakan agensi terkemuka bagi membanteras kegiatan jenayah dadah di Negara Brunei Darussalam.

Agensi tersebut adalah sebagai peneraju dan berfungsi sebagai penyelarasan antidadah yang berkaitan dengan apa-apa program serta tumpuan kerjasama dengan agen-

si-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan dadah dalam perkara-perkara pada peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Antara tajuk-tajuk kertas pembentangan ialah mengenai Strategi Mengurangkan Pembekalan Dadah, Strategi Mengurangkan Permintaan Dadah, Kerjasama di Peringkat Kebangsaan, Kerjasama Serantau dan Antarabangsa, Situasi Dadah di Negara Brunei Darussalam dan Sindiket Dadah Antarabangsa.

Salah satu tajuk utama mengenai Strategi Mengurangkan Permintaan Dadah ialah untuk menghalang masyarakat dan pemulihan pesalah daripada terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang dadah dan strategi pelaksanaan ini adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Penyelidikan, Bahagian Pendidikan Pencegahan Dadah dan Pusat Rawatan dan Pemulihan Al-Islah.

Antara lain yang dibentangkan ialah mengenai tangkapan berkaitan dengan dadah di Negara Brunei Darussalam sejak 2012 sebanyak 450 tangkapan dilakukan yang terdiri daripada 380 lelaki dan 70 orang perempuan.

Dalam tangkapan tersebut 84 peratus adalah warga Negara Brunei Darussalam dan 87.6 peratus ialah bangsa Melayu dan 52.4 peratus tidak mempunyai pekerjaan.

Menurut Datin Paduka Dayang Hajah Zasia, penurunan tangkapan dibandingkan pada tahun 2011 seramai 539 tangkapan dan 2010 sebanyak 508 tangkapan, manakala tangkapan dari bulan Januari hingga Mac 2012 sebanyak 228 tangkapan dilakukan iaitu seramai 188 adalah lelaki dan 82 peratus terdiri daripada warganegara dan 86.6 peratus warga bangsa Melayu dan 57.9 peratus tidak bekerja.

Selain itu, katanya, tangkapan 2012 peratus penyalahgunaan dadah di negara ini melibatkan Methylephedamine (Syabu) ialah 89.7 peratus, manakala dadah nombor dua yang mereka gemari ialah Kanabis iaitu sebanyak 8.06 peratus daripada jumlah tangkapan diikuti Erimin 5, Ketamin dan Ekstasi.

Antara negara yang membentangkan ialah Republik Singapura yang membentangkan mengenai 'Penyeludupan Dadah Haram di Singapura', Malaysia membentangkan 'Kawalan Dadah', Indonesia mengenai 'Situasi Masalah Dadah di Indonesia', Negara Filipina membentangkan mengenai 'Tindakan Yang Diambil Oleh Kerajaan Filipina Mengenai Pengawasan Dadah' dan Republik Sosialis Viet Nam mengenai 'Pencegahan dan Memerangi Dadah dan Jenayah Berkaitan Dadah di antara tahun 2010 hingga 2012, Proses dan Hasilnya'.

Pupuk kesedaran pelbagai budaya masyarakat ASEAN

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Isnin, 13 Mei. - Projek Pengayaan Bahasa Inggeris Antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat Bagi ASEAN Kedua mendapat sambutan di luar dugaan dengan 150 penyertaan diterima dari kalangan negara ASEAN.

Tetapi hanya 69 peserta yang layak terpilih bagi menyertai program tersebut yang dijalankan selama 11 minggu di bawah kelolaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan tajaan Kerajaan Amerika Syarikat.

Sehubungan itu, para peserta program tersebut telah diraikan dengan Majlis Makan Malam yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Antara yang hadir ialah Pemangku Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Azman bin Ahmad yang juga melancarkan laman sesawang program berkenaan.

Para peserta program akan didedahkan dengan bahasa Inggeris sepenuhnya, kepimpinan, masyarakat dan kebudayaan ASEAN serta isu-isu serantau di ASEAN.

Selain daripada itu, mereka juga akan menjalani lawatan sambil

belajar dan kebudayaan di negara ini termasuk ke Taman Negara Kuala Belalong dan tinggal bersama keluarga angkat di Rumah Panjang Kampung Amo serta melawat beberapa kementerian dan beberapa kegiatan integrasi ASEAN.

Pada minggu kelapan program nanti mereka akan meneruskan pendidikan bahasa Inggeris di East-West Center, Hawaii sebelum mengakhiri program itu di negara ini.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh para peserta dari Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Penerbangan Awam, dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Projek tersebut adalah berskala besar yang akan berjalan selama lima tahun setelah dilancarkan pada bulan September tahun lalu yang bertujuan meningkatkan tahap bahasa Inggeris dalam kalangan peserta, di samping membina dan mengukuhkan lagi kapasiti pengajaran bahasa Inggeris serta ke arah memupuk penghargaan dan kesedaran bagi kepelbagaian kebudayaan budaya masyarakat ASEAN.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang mengikuti Projek Pengayaan Bahasa Inggeris Antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat Bagi ASEAN Kedua yang diraikan pada Majlis Makan Malam.

Taskforce tingkatkan kualiti kesihatan kanak-kanak ditubuhkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof berucap sempena Hari Jururawat Antarabangsa 2013.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Mei. - Dalam usaha mempertingkatkan kualiti kesihatan kanak-kanak di negara ini, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan *Taskforce*

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Pemakanan untuk ibu, anak-anak damit dan kanak-kanak yang bertindak meneliti dengan lebih lanjut hasil dapatan kaji selidik status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan.

Taskforce tersebut akan mengenal pasti, memantau dan melaksanakan pelan-pelan tindakan yang strategik untuk mencegah faktor-faktor risiko kesihatan agar tahap kesihatan akan lebih berkualiti, generasi pada masa akan datang akan lebih cergas dari segi mental dan fizikal, aktif, produktif dan dinamik bagi kelangsungan dan kemantapan sosioekonomi negara pada masa akan datang.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof pada Kem Keluarga Sihat Ibu dan Anak Sempena Hari Jururawat Antarabangsa 2013.

Menurut Yang Berhormat, ibu-ibu

dan kanak-kanak merupakan teras pembangunan negara yang mana kesihatan golongan ini akan turut mempengaruhi dan memberi impak yang besar kepada kesihatan, perkembangan fizikal dan mental, kecergasan dan sosioekonomi negara pada masa akan datang.

Oleh itu, jelasnya, adalah tidak wajar untuk kita memandang sambil lewa dan ringan sahaja akan penjagaan kesihatan golongan kanak-kanak ini kerana mereka ini adalah sebagai aset negara yang sangat bernilai yang bakal penerus generasi pada masa akan datang.

Yang Berhormat menambah, jururawat dan bidan juga diharap agar tidak jemu-jemu atau *kelanguan*, malahan melipatgandakan lagi usaha dan terus kreatif dan inovatif dalam memperkembangkan lagi perkhidmatan, di samping berusaha memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai betapa pentingnya menghargai dan memeduli kesihatan ibu-ibu dan anak-anak damit.

Dalam masa yang sama, ujar Yang Berhormat, ibu bapa juga harus

memainkan peranan masing-masing dalam menjaga, memelihara dan memata-matai kesihatan anak damit dan kanak-kanak termasuk membawa mereka ke Pusat-pusat dan Klinik-Klinik Kesihatan mengikut perjanjian untuk mendapatkan vaksinasi, pemeriksaan kesihatan dan tum-besaran, nasihat dan tunjuk ajar mengenai pemakanan anak damit, amalan penyusuan susu ibu dan lain-lain masalah kesihatan yang perlu diambil perhatian.

“Ibu bapa tidak sepatutnya lalai dengan kewajipan ini walau bagaimanapun sibuk sekalipun dengan urusan kerja atau urusan-urusan yang lain. Ini adalah semata-mata bagi memantau anak damit biskita mengikuti pemeriksaan kesihatan dan perkembangan mereka sehingga meningkat dewasa,” jelas Yang Berhormat pada acara yang berlangsung di Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Lambak Kanan.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, ianya juga dapat mengesan lebih awal sekiranya ada terdapat tanda-tanda awal penyakit-penyakit berjangkit mahupun tidak berjangkit atau faktor-faktor risiko agar dapat dirawat dan dikawal sebelum ianya akan menjadi lebih kompleks dan kronik yang boleh menjejaskan kesihatan anak-anak damit dan seterusnya membebankan

ibu bapa dan keluarga.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam dengan pendekatan sistem kesihatan yang komprehensifnya telah dapat mencapai dan menepati sasaran yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah Matlamat Pembangunan Milenium yang berkaitan dengan kesihatan.

Walaupun bagaimanapun, ujarnya, kita tidak sepatutnya berasa *complacent* atau berpuas hati akan pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium yang berkaitan dengan kesihatan yang dimaksudkan.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha meningkatkan dan memperkukuhkan lagi sistem perkhidmatan dan penjagaan kesihatan ke arah yang lebih berkualiti dan lebih efektif pada masyarakat di negara ini.

Dalam hubungan ini, jelasnya, kerjasama dan perasaan tanggungjawab semua lapisan masyarakat terutama dalam kalangan ibu bapa dan penjaga kanak-kanak adalah sangat penting dalam menjaga dan memelihara kesihatan anak-anak masing-masing, di samping mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan apa jua jenis penyakit.

Anggota ABDB bertahlil di Kubah Makam Diraja



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat mengepalai warga Kementerian Pertahanan pada Majlis Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-52 Tahun bertempat di Kubah Makam Diraja Jalan Tutong.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mei. - Para pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, sebagai salah satu kegiatan bagi meraikan Ulang Tahun Ke-52 ABDB yang disambut pada 31 Mei setiap tahun.

Majlis berkenaan adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Mengepalai majlis itu, Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji

Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Timbalan-Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pemerintah-Pemerintah, Komandan Institut Latihan ABDB serta pengarah-pengarah awam dan tentera.

Lebih 200 pegawai dan kakitangan ABDB termasuk pegawai awam Kementerian Pertahanan menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil dan Doa Arwah itu.

Bacaan Surah Yaa Siin, bertahlil dan doa arwah dipimpin oleh Penolong Ketua Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Kapten Ariffin bin Amit.

Tinjau Program Khatam Al-Qur'an 67 Kali

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

LAMBAK KANAN, Isnin, 13 Mei. - Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail dan rombongan membuat lawatan ke dua buah institusi pendidikan bagi meninjau perkembangan usaha mengkhatam 67 kali Al-Qur'an sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67.

Pemangku Menteri Pendidikan dan rombongan memulakan tinjauan ke Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB), Lambak Kanan yang mana seramai 131 pelajar lelaki dan perempuan dari Tahun 10 dan 11 menyertai aktiviti berkenaan.

Yang Mulia juga meluangkan masa mentasmi bacaan beberapa orang peserta khatam.

Dari SMSAB, Pemangku Menteri Pendidikan meneruskan tinjauan ke Sekolah Rendah Dato Marsal Brunei IIA dan turut sama membentulkan bacaan beberapa orang pelajar.

Semasa kunjungan ke dua buah institusi pendidikan ini, Pemangku Menteri Pendidikan juga mengambil kesempatan memberikan kata-kata nasihat kepada peserta pelajar.

Pemangku Menteri Pendidikan juga menyorankan para pelajar menghayati makna ayat-ayat Al-Qur'an yang dibaca selain menghalusi bacaan Al-Qur'an masing-masing.

Program Khatam Al-Qur'an bagi pelajar-pelajar sekolah-sekolah rendah, menengah, vokasional dan institusi pengajian tinggi Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Bginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Ke-67 itu merupakan program berterusan kementerian itu bagi menanamkan dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Qur'an serta mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian untuk kepentingan diri, agama, bangsa dan negara bagi semua warga pendidikan dan penuntut.

Dilaksanakan buat kali kedua, ia merupakan kesinambungan daripada program seumpamanya pada tahun lepas yang akan diadakan kemudian di keempat daerah secara serentak.

Progran Khatam Al-Qur'an ini khas bagi memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala daripada warga Kementerian Pendidikan terhadap kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan membaca Al-Qur'an 30 juz sempena Hari Keputeraan baginda agar

menambahkan lagi keberkatan dan ke-daulatan Negara Brunei Darussalam.

Aktiviti ini juga mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang mana Islam sebagai terasnya.

Inisiatif mengkhatam Al-Qur'an 67 kali juga sebagai usaha Kementerian Pendidikan pada menjunjung hasrat baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir ke arah menuju 'Baladatul Tayyibatun Warabbun Ghafur', di samping menghayati falsafah negara MIB.

Hadir sama dalam tinjauan itu ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Ketua Pengarah Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin; Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Haji Kassim bin Haji Mohammad Yassin; Pemangku Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar dan pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail sedang membentulkan sebutan bacaan seorang penuntut lelaki Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar yang menyertai Majlis Membaca Al-Qur'an 67 Kali Khatam.

Nama-nama geografi digunakan sebagai sistem rujukan penting

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Isnin, 13 Mei. - Nama-nama geografi atau nama tempat menyediakan sistem rujukan geografi yang paling berguna dan penting yang boleh digunakan di mana sahaja di dunia.

Di Negara Brunei Darussalam, asal usul nama tempatnya sering diselubungi mengikut peredaran masa dan nama negara itu sendiri mempunyai banyak asal usul.

Menamakan sebuah tempat yang baru mempunyai potensi untuk konflik dan kadangnya walau sedikit perubahan kecil boleh mencetuskan kemarahan penduduk tempatan.

Perkara ini terkandung dalam kertas ucpatama yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos bertajuk 'Pengenalan Kepada Sejarah Geografi Nama-Nama Tempat di Negara Brunei

Darussalam'.

Awang Haji Mohd. Rozan dalam kertas ucpatama tersebut antaranya menerangkan mengenai nama-nama tempat yang terdapat di Negara Brunei Darussalam yang berasal dari bermacam-macam sumber antaranya nama pokok atau buah-buahan, puak jati, jenis-jenis haiwan dan sebagainya.

Seperti contohnya, Kampung Tanjung Nangka dan Tanah Jambu, jelas Awang Haji Mohd. Rozan diambil nama daripada nama buah-buahan dan Kampung Burung Pingai, Maraburong, Sungai Katam, Kerakas Payau berasal dari nama haiwan/binatang.

Menurut Awang Haji Mohd. Rozan, terdapat pelbagai tempat dengan nama-nama menarik dan diambil daripada cerita-cerita kontroversi, dijadikan sebagai alat politik dan propaganda.

Nama-nama yang dipilih juga merupakan isu penting yang mana



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa menyampaikan ucpatama.

nama yang dipilih itu dapat bertahan bertahun-tahun lamanya dan masyarakat mungkin lupa mengapa nama tersebut dipilih, tetapi ianya tetap akan kekal di situ.

Tingkatkan proses pembelajaran dalam ejaan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Ahad, 12 Mei. - Katelyn Teoh Shu Hui dari Sekolah St. Andrew's menjuarai Kategori 'A' Pertandingan Ejaan Peringkat Negara 'Dunia Kecilku' Kali Ke-4 Tahun 2013 yang berlangsung di Pusat IBM, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Sementara itu, bagi Kategori 'B' pula, dijuarai oleh Julius Evarad Chew dari Sekolah Rendah Haji Mohd Jaafar Maun Kiulap dan juara Kategori 'C' disandang oleh Dayang Lina Amizah binti Isa dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Daerah Tutong.

Manakala bagi Kategori 'D', juara dimenangi oleh Zoe Chan Zhi Yi dari Sekolah Menengah Chung Hwa dan bagi Kategori 'E' pula, dijuarai oleh Dayang Asma binti Shariff dari Sekolah St. Andrew's dan juara bagi Kategori 'G' diraih oleh Jeffrey Wong Chin Siong dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Ejaan Peringkat Negara 'Dunia Kecilku' Kali Ke-4 Tahun 2013 itu,



PEMANGKU Pengarah Perkembangan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Ejaan Peringkat Negara 'Dunia Kecilku' Kali Ke-4 Tahun 2013.

Pemangku Pengarah Perkembangan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi.

Juga hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Roslin bin Suhailee, pengetua-pengetua, pegawai-pegawai kanan, guru-guru besar, para pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta guru-guru dan pelajar-pelajar dari seluruh negara.

Pertandingan berkenaan dianjurkan

oleh Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum melalui Bahagian Kemahiran dan Keusahawanan dengan kerjasama Bluewaters Advertising Sendirian Berhad.

Antara lain objektif pertandingan tersebut adalah untuk meningkatkan proses pembelajaran para pelajar dalam ejaan dan membantu pelajar meningkatkan ejaan mereka, keyakinan diri, daya saing, perbendaharaan kata serta penggunaan yang betul dalam bahasa Inggeris.

Perpustakaan DBP Muara terima pelawat dari SR TLDB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

MUARA, Khamis, 9 Mei. - Seramai 36 orang murid Tahun 1 dan Tahun 5 Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei mengadakan lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Muara sempena Program Membaca yang diangkayahkan oleh sekolah tersebut.

Rombongan lawatan tersebut diketuai oleh Awang Md. Shafiee bin Haji Aluwi.

Lawatan sambil belajar itu antara lain bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak dan muda-mudi, di samping mengetahui bagaimana menjadi ahli perpustakaan dan juga



MURID Tahun 1 dan Tahun 5 Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei semasa mengadakan lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Muara sempena Program Membaca.

mengeratkan hubungan silaturahmi antara warga sekolah dan pegawai serta kakitangan DBP.

Antara aktiviti yang dianjurkan sepanjang lawatan sambil belajar itu ialah mari mengira, teka kata, dan

mewarna.

Terdahulu sebelum itu, rombongan diberi taklimat ringkas mengenai Perpustakaan DBP Muara dan dibawa melawat ke bilik bacaan perpustakaan.

Peraduan Mari Bercerita diberi nafas baru

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Sempena 30 tahun Peraduan Mari Bercerita pada tahun 2014, kaedah persembahan dan penceritaan akan diberi nafas baru sesuai dengan perkembangan informasi teknologi komunikasi masa kini.

Menurut Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin, dalam kaedah baru itu nanti para peserta akan diberi kebebasan untuk memilih dan membaca buku-buku kegemaran mereka termasuk buku tulisan jawi yang mana pelajar yang banyak membaca buku akan dipilih sebagai peserta dan pelajar tersebut akan memilih salah satu tajuk buku yang dibacanya untuk diperadukan.

Berucap pada Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang berlangsung di Sekolah Rendah Rimba I, beliau menambah, melalui kaedah itu para pelajar akan memperolehi banyak faedah seperti menanamkan sifat gemar dan suka membaca, dapat meningkatkan tahap pembacaan mereka, memperolehi banyak maklumat baru dan terkini, dapat memperkembangkan daya minda, dapat meningkatkan daya fikir yang kritis dan akan lebih terbuka sewaktu berinteraksi dan memberi pendapat.

Di samping itu, katanya, cara atau gaya bercerita, lontaran nada cara bercerita juga akan dibuat pembaharuan supaya peserta akan lebih santai, fokus dan berinteraksi sewaktu menyampaikan cerita mereka yang mana hasilnya dapat memberi kesan kepada penonton atau audien mengikuti cerita tersebut.

"Semua elemen ini dapat meningkatkan mutu penceritaan serta dapat memahirkan pelajar tersebut untuk mencipta daya kreativiti yang tinggi secara tidak langsung mengasuh mereka untuk mendukung industri kreatif di negara ini apabila mereka bergelar remaja nanti," ujarnya.

Beliau juga menyeru kepada semua pihak supaya meningkatkan lagi usaha memupuk budaya membaca di negara ini dan apa yang

diharapkan melalui peraduan ini akan dapat mengasuh dan meningkatkan kemahiran serta mampu menggerak minda fikir para pelajar tentang kepentingan dan nilai membaca dalam kehidupan seharian.

Katanya, Peraduan Mari Bercerita melalui pemerhatian gambar mula diadakan pada tahun 2009 serta tahun ini merupakan kali ke-5 format peraduan itu diadakan.

Pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Dayang Adilah binti Jofri muncul juara Peraduan Mari Bercerita Peringkat DBM, manakala naib juara disandang oleh Dayang Intan Nur Aiman binti Haji Zaidin dari Sekolah Persediaan Arab dan tempat ketiga ialah Dayang Nurul Hidayati binti Omarali dari Sekolah Rendah Dato Marsal.

Seramai sepuluh peserta terpilih menyertai Peraduan Mari Bercerita Peringkat daerah ini dan diharap peraduan ini dapat mengasuh dan meningkatkan kemahiran berfikir dan daya kreativiti pelajar serta menanamkan sifat bersaing yang positif khususnya melalui membaca.

Antara tujuan utama peraduan ini diadakan ialah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan khususnya dalam program pembangunan negara.

Selain itu, peraduan juga bertujuan sebagai arena latihan kepada kanak-kanak supaya berani bercakap di khalayak ramai serta memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Brunei khususnya di kalangan kanak-kanak.

Di samping itu, ianya juga melahirkan idea dan pemikiran secara spontan dan membiasakan kanak-kanak petah dan lancar dalam menyampaikan cerita selain melahirkan generasi kanak-kanak yang berilmu pengetahuan, berlawanan dan maju dalam segenap lapangan.



DENGAN gaya tersendiri, salah seorang peserta Peraduan Mari Bercerita yang ikut serta dalam peraduan tersebut.

Brunei Darussalam - Republik Korea pupuk kegiatan kebeliaan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar mengalu-alukan sepuluh belia dari Republik Korea di bangunan KKBS.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nurhafilah Pg.Osman

BERAKAS, Sabtu, 11 Mei. - Negara Brunei Darussalam terus memupuk hubungan erat bersama Republik Korea melalui kegiatan kebeliaan setelah termeterainya Susunan Kerjasama bagi Perkara-Perkara Belia antara kedua-dua buah negara pada Februari 2010 lalu.

Kerjasama tersebut kini memasuki tahun ketiga yang mana beberapa belia antara kedua-dua buah negara telah menjalani Program Pertukaran Belia Dua Hala Brunei Darussalam-Korea yang diadakan sejak tahun 2011.

Seramai sepuluh belia dari Republik Korea mengadakan kunjungan muhibah kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar di bangunan

KKBS, di sini.

Ketika mengalu-alukan rombongan belia Korea yang diketuai oleh Pegawai Kementerian Kesaksamaan Jantina dan Keluarga Republik Korea (Ministry of Gender Equality and Family), Seongkae Wi, Setiausaha Tetap KKBS antara lain menghargai perkembangan kerjasama kebeliaan tersebut sambil berharap akan wujud satu rangkaian hubungan belia antara kedua-dua negara yang lebih akrab dan mantap.

Sementara itu, Seongkae Wi dalam ucapan balasnya pula antara lain melahirkan penghargaan yang tinggi atas layanan yang diberikan oleh KKBS sejak ketibaan mereka ke negara ini.

Selain itu, beliau juga berharap melalui program ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan

kedua-dua buah negara yang terjalin sejak tahun 1984 dan akan banyak lagi kerjasama yang lain akan termeterai bagi kepentingan kedua-dua buah negara.

Rombongan belia Republik Korea berada di negara ini sehingga 19 Mei nanti akan mengadakan beberapa aktiviti serta lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini selain akan terlibat dengan keluarga angkat dan berkunjung ke Pusat Pembangunan Belia, Pejabat DST dan Daerah Tutong.

Selain itu, mereka juga akan melawat sambil belajar ke Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Pusat Belia.

Sementara program lawatan balas bagi belia-belie Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea akan diadakan pada 17 hingga 26 Jun ini yang mana Republik Korea akan mengalu-alukan ketibaan mereka dengan beberapa kegiatan yang telah disusun.

Brunei - Kanada tandatangani perjanjian pertukaran maklumat mengenai cukai



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Hajah Ning Lela binti Dato Paduka Haji Mohamad semasa bertukar dokumen perjanjian bersama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Marcel Gaumond.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Negara Brunei Darussalam dan Kanada menandatangani perjanjian berhubung dengan pertukaran maklumat mengenai perkara-perkara cukai yang berlangsung di Bilik Persidangan, Kementerian Kewangan, di sini.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Hajah Ning Lela binti Dato Paduka Haji Mohamad, manakala Kerajaan Kanada diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang

Terutama Marcel Gaumond.

Dengan penandatanganan perjanjian itu menunjukkan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap pelaksanaan piawaian pertukaran maklumat percukaian antarabangsa seperti mana yang telah ditetapkan oleh Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD).

Di samping itu, perjanjian tersebut juga akan memudahkan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Negara Kanada bertukar-tukar maklumat berhubung dengan perkara-perkara cukai.

Sebanyak 24 perjanjian antarabangsa telah ditandatangani antara Negara Brunei Darussalam dan Kanada yang membolehkan pertukaran maklumat percukaian Negara Brunei Darussalam dengan Kanada.

RCEP galakan mesra perniagaan

Pelbagai aktiviti sambut WTISD 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Mei. - Hari Pertubuhan Telekomunikasi dan Maklumat Sedunia (WTISD) yang diraikan setiap tahun pada 17 Mei adalah bagi memperingati Ulang Tahun Penandatanganan Konvensyen Antarabangsa Telegraph Pertama pada tahun 1865 yang membawa kepada penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

Tema WTISD tahun ini ialah 'ICT dan Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya' yang mana pada sambutan tahun ini, satu siri aktiviti akan dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AiTi) dengan sokongan Kementerian Perhubungan dan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuk forum dan pameran yang akan diadakan pada hari Sabtu, 18 Mei 2013 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Forum ini merangkumi persembahan dan perbincangan panel oleh penceramah tempatan dan antarabangsa mengenai topik-topik yang berkaitan dengan tema 'ICT dan Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya'.

Antara topik yang dibincangkan dan dibentangkan di dalam forum termasuk 'Peranan ICT & Implikasi Keselamatan Jalan Raya dan gangguan Pemandu dan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) yang akan dibentangkan oleh penceramah antarabangsa dari ITU, Mr. Martin Adolph.

Forum ini merupakan peluang untuk pakar-pakar dan pihak berkepentingan yang berkaitan berkongsi maklumat dengan orang ramai mengenai perkembangan ICT terkini dan sumbangannya ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya.

Sementara itu, pameran yang akan diadakan seiring dengan forum tersebut mempamerkan teknologi ICT semasa dan akan datang yang boleh menyumbang ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya.

Antara peserta terdiri dari wakil syarikat-syarikat ICT, pengedar kereta dan pembekal perkhidmatan telekomunikasi.

Pameran itu akan dibuka kepada orang ramai bermula pukul 1.30 petang hingga 6.00 petang bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Sutera Hall, Tingkat 4 (masuk adalah percuma untuk orang ramai).

Selain aktiviti-aktiviti untuk menyambut WTISD 2013, pertandingan menulis esei dan melukis juga diadakan yang akan dibukakan pada 11 Mei 2013 dan tarikh tutup untuk lukisan dan esei ialah pada 7 Jun 2013 sehingga 11.00 pagi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.aiti.gov.bn/wtisd2013 untuk penyertaan selain syarat-syarat pertandingan dan untuk sebarang pertanyaan, sila layari e-mel wtisdcompetitions@aiti.gov.bn.



SEBAHAGIAN perwakilan dari Negara-negara ASEAN semasa Rundingan Perdagangan Usahasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang diadakan di Pusat Persidangan Utama, Berakas.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Rundingan Perdagangan Usahasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) telah dilancarkan oleh Pemimpin ASEAN+6 (Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand) pada 20 November 2012 sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-21 di Phnom Penh, Kemboja.

Negara Brunei Darussalam yang mengambil bahagian dalam RCEP telah memulakan perundingan pada awal tahun 2013 dengan matlamat untuk menyelesaikan perundingan menjelang akhir tahun 2015.

Antara objektif RCEP adalah

untuk mencapai perjanjian usaha sama ekonomi yang memberi manfaat, komprehensif, moden dan berkualiti tinggi, yang dijangka mempunyai peningkatan yang ketara ke atas Perjanjian ASEAN dengan rakan-rakan dialog yang sedia ada.

RCEP meliputi perdagangan dalam barangan, perkhidmatan, pelaburan, kerjasama ekonomi dan teknikal, harta intelek, persaingan, penyelesaian pertikaian dan isu-isu lain, yang akan menguatkan empat tunggak AEC, bagi memastikan rantau yang bersepadu sepenuhnya ke dalam ekonomi global.

Sebagai 16 Parti Perjanjian Perdagangan Bebas (16-Party FTA) yang diiktiraf oleh RCEP ianya berpotensi membawa kepada penciptaan salah satu kawasan perdagangan bebas terbesar di dunia dengan mewujudkan pasaran

bersepadu yang terdiri lebih daripada tiga bilion penduduk dengan KDNK yang tergabung sebanyak kira-kira USD17.23 trilion (berdasarkan statistik 2010).

RCEP itu adalah inisiatif pandangan ASEAN sebagai pelengkap kepada kerja-kerja yang sedang dilaksanakan melalui rundingan plurilateral yang lain (seperti Trans Pacific Partnership-TPP) dan forum-forum pelbagai hala (seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia-WTO), di mana asas objektif utamanya adalah untuk menggalakkan keterbukaan dan mewujudkan lebih banyak persekitaran yang mesra perniagaan serta menggalakkan integrasi ekonomi yang rapat.

Sejak pelancaran, pegawai-pegawai telah menjalankan kerja-kerja persiapan yang besar bagi memulakan rundingan, khususnya ke atas parameter rundingan.

Pertemuan penulis bincang karya sastra

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 12 Mei. - Pertemuan Penulis dihasratkan untuk mempertajamkan lagi daya kreativiti para penulis, di samping untuk membincangkan karya sastra dalam semua genre yang dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan dan luar negara.

Aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian Bahasa dan Sastera, Badan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Tutong (B2K Daerah Tutong) dengan kerjasama Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong adalah sebagai wadah untuk berbincang daripada hati ke hati bagi pembangunan penulis dan hasil penulisan di daerah tersebut serta meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil penulisan.

Demikian dijelaskan oleh Ketua Bahagian Bahasa dan Sastera, Awang Chong Ah Fok pada Pertemuan Penulis yang berlangsung di Dewan Kuliah

Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Beliau yang juga selaku Pengerusi Pertemuan Penulis dalam ucapannya menjelaskan bahawa pertemuan itu merupakan sebagai *platform* bagi penulis-penulis terutamanya penulis muda untuk berlatih membuat kajian serta membentangkannya atau membicarakannya.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali yang juga merasmikan dua buah buku terbitan B2K di daerah tersebut dan menyampaikan cenderahati kepada para penulis novel dan cerpen.

Terdahulu sebelum itu, para penulis novel dan cerpen yang terdiri daripada Dayang Nur Hamizah binti Samihon, Chong Ah Fok, Awang Abu Zar bin Abdullah, Dayang Noor Afina binti Abu dan Awang Haji Daniel masing-masing membentangkan kertas kerja mereka.



PEGAWAI Pentadbir Tingkat Khas, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Afero Eswandi bin Haji Mohamad juga selaku Ketua Agensi Pekerjaan Tempatan semasa menyampaikan ucapan pada Sidang Media mengenai Brunei Mini Job Fair 2013.

Brunei Mini Job Fair 2013 - Lebih 1,000 jawatan kosong ditawarkan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Mei. - Agensi Pekerjaan Tempatan (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan menganjurkan buat julung kalinya Brunei Mini Job Fair 2013 Siri Pertama pada 16 hingga 18 Mei nanti bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Brunei Mini Job Fair 2013 Siri Pertama yang didukung bersama oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri itu memfokuskan pada tiga bidang industri iaitu industri perniagaan/perdagangan, hospitaliti dan pelancongan.

Bercakap pada Sidang Media yang diadakan di Bangunan KHEDN, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, KHEDN, Awang Haji Afero Eswandi bin Haji Mohamad, juga selaku Ketua APTK menerangkan, pada sepan-

jang tempoh tiga hari itu akan diadakan Pameran Kerjaya dan Temuduga Terbuka selama dua hari khusus bagi Pencari Kerja Tempatan yang berdaftar di APTK.

Dalam masa yang sama Bengkel Kerjaya iaitu 'CV Writing' dan persediaan sebelum, semasa dan selepas temuduga yang dikendalikan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan juga akan diadakan dan boleh diikuti semasa *job fair* tersebut bermula pukul 9.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 5.00 petang, manakala hari Jumaat pukul 9.00 hingga 11.30 pagi dan 2.30 hingga 4.30 petang.

Pada *job fair* itu nanti, sebanyak 40 buah syarikat swasta memberikan kerjasama dan komitmen mereka untuk menyertai Pameran Kerjaya itu dengan berkongsi *career pathway* dan

dianggarkan lebih dari satu ribu jawatan kosong akan ditawarkan daripada peringkat rendah tiada kelulusan sehingga peringkat tertinggi termasuklah HND, Sarjana Muda dan ke atas.

Majlis Perasmian Brunei Mini Job Fair 2013 itu nanti akan dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku tetamu kehormat majlis yang kemudiannya akan menyampaikan ucapatama pada majlis itu nanti.

Brunei Mini Job Fair 2013 ini diharap akan dapat memberikan peluang bagi pengambilan pekerja tempatan dalam kalangan majikan di syarikat masing-masing, di samping sedikit sebanyak dapat menangani jumlah pengangguran di Negara Brunei Darussalam dengan komitmen dan kerjasama padu para majikan dan pihak agensi bagi mendapatkan pekerja tempatan.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali melancarkan dua buah buku terbitan Badan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Tutong bertajuk 'Lorong-lorong Kehidupan' dan 'Inilah Tafsir'.

Pengundian calon Ketua Kampung Subok 24 Mei 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Subok, Mukim Kota Batu, bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Bagi Calon Ketua Kampung Subok akan diadakan pada hari Jumaat, 24 Mei 2013 bertempat di Dewan Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

JDBM memohon kerjasama semua penduduk Kampung Subok, terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung tersebut dan nama-nama mereka yang tersenarai dalam Senarai Daftar Pengundi Penduduk Kampung Subok supaya akan

dapat hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan pada tarikh yang dinyatakan di atas dengan membawa Kad Pengenalalan masing-masing.

Bagi penduduk Kampung Subok yang tidak tersenarai nama mereka di dalam Senarai Daftar Pengundi kampung itu hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama mereka kepada Ketua Kampung Subok, Awang Haji Md. Jais bin Md. Salleh, beralamat No. 3, Simpang 287-23,4 Kampung Subok, Mukim Kota Batu, atau ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, JDBM yang dibuka mulai 9 Mei 2013 hingga 24 Mei 2013 (semasa Majlis Pengundian dan pemilihan Calon Ketua Kampung Subok itu diadakan nanti).

Kehadiran penduduk Kampung Subok adalah sangat diharapkan.

Kerani didapati bersalah hadapkan tuntutan palsu

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Mei. - Seorang kerani di Unit Remaja dan Kanak-kanak TV, Bahagian Penerbitan Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei, Dayang Hajah Sa'adiah binti Tudin telah didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan di atas pertuduhan di bawah Bab 6(c) Akta Pencegahan Rasuah (Penggalt 131). Mahkamah telah menjatuhkan hukuman 9 bulan penjara dan pelaksanaan hukuman tersebut telah ditangguhkan sementara rayuan dibuat oleh tertuduh.

Timbalan Pendakwaraya, Pengiran Nina Jasmine binti Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin mengemukakan kepada mahkamah bahawa

siasatan Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa Dayang Hajah Sa'adiah dengan niat untuk mengelirukan Radio Televisyen Brunei telah menghadapkan tuntutan palsu berjumlah BND100 (Seratus Ringgit Brunei) pada Julai 2007 yang mana adalah bagi tuntutan bayaran kepada seorang tempatan yang terlibat dalam penerbitan rancangan 'Fun Time' dengan niat untuk mengelirukan Radio Televisyen Brunei.

Mahkamah memerintahkan supaya tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin berjumlah BND10,000 (Sepuluh Ribu Ringgit) atau dua orang penjamin tempatan.

Air sumber penting dalam kehidupan



PAKAR dan Penyelidik terkemuka dari Jepun, Profesor Masaru Emoto semasa membentangkan ceramahnya bertajuk 'The Science of Beautiful Water' pada Simposium Air Cantik sempena Pengijazahan Ketiga Darussysyifa' Warrafahah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Mei. - Air merupakan bahan dan unsur penting dalam semua bentuk kehidupan di bumi dan ianya merupakan sumber kehidupan pertama bagi manusia selain haiwan dan tumbuhan.

Kepentingan air ini disentuh oleh Pakar dan Penyelidik terkemuka

dari Jepun, Profesor Masaru Emoto semasa membentangkan ceramahnya bertajuk 'The Science of Beautiful Water' pada Simposium Air Cantik sempena Pengijazahan Ketiga Darussysyifa' Warrafahah yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Gadong, di sini.

Beliau yang juga merupakan pen-

ulis buku 'The Hidden Messages in Water' seterusnya berkata tubuh juga memerlukan air untuk membantu membuang sisa hasil metabolisme tubuh.

Profesor Masaru menjelaskan tiada siapa yang boleh menjelaskan mengenai kewujudan air sepenuhnya memandangkan manusia hidup dalam dunia tiga dimensi.

"Air juga bertindak dari pihak Yang Maha Kuasa. Dalam erti kata lain, air telah dihantar oleh Tuhan untuk planet bumi kita bagi pihak-Nya," jelasnya pada mempercayai keagungan dan kebesaran Tuhan.

Dalam memperjelaskan mengenai mengapa air boleh dilarutkan dengan pelbagai bahan kecuali minyak, Profesor Masaru menjelaskan ianya disebabkan Tuhan telah mencipta semuanya atas kehendak-Nya.

"Begitu juga mengapa air boleh bertukar menjadi keras, cecair dan gas adalah kerana maklumat dari Yang Maha Kuasa boleh disampaikan tanpa adanya diskriminasi. Alasan mengapa air boleh naik bertentangan dengan graviti adalah sama dengan alasan di atas," ujarnya.



BELIA membantu kerja-kerja membaiki pulih jambatan yang terdapat di Tasik Sarubing.

BELIA merupakan tunggak negara yang bernilai tinggi dan menjadi jentera utama dalam pembangunan dan kecemerlangan negara yang diharap-harapkan. Negara akan goyah dan kecundang tanpa adanya belia menerajui negara. Justeru itu, semua pihak sama-sama berperanan dalam mencorak dan membimbing belia agar menjurus kepada apa yang diimpikan. Kita akan tersenyum lega dan gembira dengan adanya belia yang baik dan kita akan merintih kesakitan apabila belia terjerumus dengan ledakan gelombang Tsunami sosial yang tidak bertamadun.

Walaupun sekarang zaman era globalisasi yang mana semua serba-serbi moden dan canggih dalam semua aspek kehidupan namun belia kita masih teguh dan cekal hati menjadi belia yang berwawasan dengan melibatkan diri menjadi sukarelawan.

Penting Belia Jadi Sukarelawan

Ada beberapa faktor belia perlu jadi sukarelawan iaitu belia adalah satu-satunya harapan negara yang mampu melakukan sesuatu yang unik dan dinamik mengikut arus kemodenan zaman. Cara pemikiran yang berbeza-beza membolehkan mereka mampu berfikir secara optisma dan berfikir ke hadapan membuatkan belia lebih berdaya tahan.

Secara tidak langsung belia mampu meneroka apa yang dilihat dan didengar dengan lebih terperinci dan teliti serta peka dan prihatin dengan sekeliling terutama pada orang-orang yang berada dalam kesusahan yang memerlukan bantuan contohnya belia bergotong-royong membersihkan rumah warga emas, membersihkan tanah perkuburan, membantu orang-orang yang berkeperluan khas dan seumpamanya.

Secara tidak langsung penglibatan belia jadi sukarelawan ini juga membantu mengurangkan belia melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan sia-sia yang mana belia terlibat dengan gejala sosial yang semakin berleluasa, contohnya melepak di gedung-gedung membeli-belah tanpa tujuan, mengganggu ketenteraman orang awam, merosakkan harta benda kerajaan, terjebak dengan dadah dan syabu dan sebagainya.

Badan-Badan Sukarelawan

Negara kita Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang tidak kurang juga hebatnya seperti

negara-negara lain yang mana memiliki masyarakat yang prihatin, bertanggungjawab, ambil berat dan berhati mulia dengan tertubuhnya badan-badan sukarelawan sama ada berbentuk kerajaan mahupun swasta.

Tertubuhnya badan-badan sukarelawan ini membolehkan para belia bergerak dengan aktif dan peka dalam membantu orang-orang yang kurang bernasib baik, memeduli orang yang berada dalam kesusahan dan kemiskinan, membantu negara yang memerlukan bantuan, membangunkan diri sendiri untuk lebih berkeyakinan dalam menjalani kehidupan dan sebagainya.

Antara badan-badan sukarelawan yang terdapat di negara kita ini ialah Program Belia Cinta Tanah Air, Sukarelawan Belia Kebangsaan, Majlis Belia Brunei, Persatuan C.A.R.E Brunei Darussalam, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam, A National Association Against Drug Abuse in Brunei (BASMIDA), Brunei Darussalam AIDS Council, Brunei Volunteer, Katakijau Fan Club, Outreach Youth dan sebagainya.

Sementara itu, banyak aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh belia antaranya menjadi sukarelawan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22, bergotong-royong membersihkan masjid, menolong membaiki rumah warga emas, membantu mengadakan bazaar dan aktiviti sukan seperti berbasikal dan larian amal bagi mengutip dana untuk merawat pesakit yang memerlukan bantuan, memberikan bantuan dan membersihkan rumah mangsa kebakaran, mengutip sampah-sarap membersihkan alam sekitar dan seumpamanya.

Sukarelawan Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22

Dengan adanya penglibatan belia dalam acara-acara tertentu menunjukkan belia Brunei mampu bersaing dengan belia luar dan menyerlah dalam pelbagai aspek yang mana membuktikan penglibatan belia menjadi sukarelawan dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 pada 24 dan 25 April lepas di Negara Brunei Darussalam sedikit sebanyak dapat membantu pergerakan acara besar itu berjalan dengan lebih licin dan teratur.

Penglibatan belia seramai lebih daripada 50 orang menjadi sukarelawan dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 ini sungguh memberangsangkan dan mendapat

sambutan yang menggalakkan dari mereka bagi menampilkan diri untuk memberi bantuan yang sewajarnya.

Kebanyakan sukarelawan yang melibatkan diri dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 ini terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam, Mahasiswa graduan Universiti Southampton, United Kingdom, mahasiswa graduan Institut Teknologi Brunei, graduan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, pekerja yang pernah berkhidmat dengan kerajaan dan telah bersara, pelajar lepasan sekolah dan sebagainya.

Belia yang menjadi sukarelawan ini diberikan pelbagai tugas yang berbeza-beza antara satu dengan yang lain seperti ditugaskan di Bahagian Media Relations Officer (MRO), Bahagian Info Sekretariat, Bahagian Pengurusan Ketibaan dan Pelepasan para delegasi di Lapangan Terbang Antarabangsa, Bahagian Resepsi Media, Bahagian Perhubungan (Liasion Officer-LO) dan sebagainya.

Tugas yang diberikan itu menguji belia sama ada mampu melaksanakannya dengan sebaik mungkin ataupun sebaliknya, memandangkan tugas masing-masing ada yang baru pertama kali mereka laksanakan tanpa ada pengalaman sebelum ini.

Mereka berjaya melaksanakannya dengan cemerlang walaupun mengalami kerumitan pada awalnya namun akhirnya mampu menyesuaikan diri dengan tugas-tugas yang diamanahkan itu. Kerumitan dan kesukaran yang dialami itu dijadikan cabaran demi negara dan bangsa yang tercinta.



AKTIVITI belia menjual barangan pakaian dan sebagainya sempena Bazaar Youth Tourism 2013.

Pupuk minat belia jadi sukarelawan

Oleh : Zawayatun Ni'mah Mohamad Akir

Foto : Jabatan Penerangan

Pengalaman Berharga

Pengalaman menjadi sukarelawan adalah suatu pengalaman yang sangat berharga daripada wang ringgit. Pengalaman sepanjang hayat, sedangkan wang ringgit akan habis hanya dalam waktu yang singkat. Justeru itu, belia tidak mahu ketinggalan untuk berbakti demi negara yang tercinta ini. Mereka berhempas-pulas meraih pengalaman tersebut yang bukan selalu diperolehi setiap hari.

Memang wang ringgit itu penting apatah lagi zaman milenium sekarang ini yang banyak keperluan sehari-hari memerlukan wang. Ke sana ke mari semuanya wang contohnya sahaja ingin menuju ke destinasi perlu wang untuk membeli minyak kereta, belanja anak-anak sekolah, belanja makan dan minum, semuanya wang tetapi kita janganlah hidup berhambakan wang ringgit semata-mata.

Oleh itu, para belia melahirkan rasa bersyukur kerana diberi peluang untuk berbakti kepada negara dan masyarakat malah tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka untuk dilaksanakan bukan semudah seperti yang dibayangkan kerana mereka harus memikul tanggungjawab yang besar seperti yang diharap-harapkan oleh semua pihak.

Mereka merebut peluang ini untuk meraih pengalaman berharga dan bernilai, dapat menyumbang bakti kepada kerajaan dan negara, menimba pengalaman yang baru dan bermutu, minat yang mendalam dalam bidang kemasyarakatan, ingin mencuba sesuatu yang baru, meningkatkan keyakinan diri untuk berhadapan dengan orang luar dan sekali gus membangunkan diri untuk kebaikan bersama.

Hal Ehwal Belia Dititikberatkan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sememangnya amat menitikberatkan hal ehwal belia

di negara ini. Baginda pernah bertitah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2008 pada hari Sabtu, 30 Rejab 1429 Hijriah / 2 Ogos 2008 Masihi bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

"Kita semua menyedari, untuk mewujudkan belia cemerlang adalah memerlukan penglibatan semua pihak, termasuk individu, keluarga dan masyarakat. Tambahan pula, kesan kederasan arus globalisasi masa kini, telah menimbulkan pelbagai cabaran serta hambatan dalam usaha mewujudkan belia cemerlang itu. Ini, termasuklah cabaran-cabaran dalam bidang pendidikan dan pekerjaan."

Kerana itu, para belia tidak ada pilihan lain kecuali sentiasa berusaha meningkatkan kebolehan dan kemahiran. Hanya dengan cara ini sahaja seseorang dapat diharapkan untuk menjadi belia yang cemerlang."

Dari titah baginda itu telah membuktikan betapa pentingnya penglibatan belia untuk kemajuan negara apatah lagi dalam acara penting dan besar seperti Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 ini. Baginda mengakui betapa belia itu harus berusaha untuk meningkatkan kebolehan dan kemahiran diri untuk menjana dan memperkasa pembangunan negara. Oleh yang demikian, semua pihak terlibat dalam sama-sama melahirkan belia yang cemerlang dan berwawasan.

Kesimpulan

Dengan adanya penglibatan para belia menjadi sukarelawan terutama yang melibatkan acara-acara besar sekurang-kurangnya mampu mengharumkan nama negara menjadi sebuah negara yang memiliki belia yang berwawasan yang tidak camah mata dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan malah berjaya membantu negara yang berada dalam kesulitan. Justeru itu, negara memerlukan payung aset negara ini untuk menerajui dan melayari onak penuh berliku dengan tabah dan sabar serta cekal hati.

Tidak semua ucapan salam wajib dijawab

Sambungan
dari keluaran lepas

Keadaan Ketiga: Salam yang diucapkan kepada orang yang tidak disunatkan untuk diberikan salam.

Menurut ulama, orang yang tidak disunatkan untuk diberikan salam kepadanya kerana suatu sebab atau keadaan, maka orang itu pun tidak wajib menjawab salam yang diberikan kepadanya. Penjelasananya adalah seperti berikut:

i. Ucapan salam kepada orang yang sedang mengerjakan *sujud tilawah* atau sedang mengerjakan sembahyang adalah tidak wajib dijawab. Begitu juga tidak wajib diakhiri jawapan salam itu sehingga selesai mengerjakan sembahyang.

Bagaimanapun, menurut Imam asy-Syafi'e *Rahimahullah*, disunatkan ke atas orang yang sedang mengerjakan sembahyang untuk menjawab salam tersebut dengan menggunakan isyarat sahaja, tanpa melafazkan apa-apa. Iaitu dengan menggunakan isyarat yang dapat difahami sebagai penjawab salam, umpamanya dengan isyarat kepala ataupun tangan.

Jika dia hendak melambatkan jawapannya sehingga dia selesai mengerjakan sembahyang, maka tidak mengapa dia melafazkannya. Ini dengan syarat tidak jauh jaraknya antara ucapan salam dengan jawapannya itu.

Adapun jika dia menjawab salam tersebut ketika sedang sembahyang dengan melafazkan *'Wa'alaikumussalam'* yang maknanya: *"Dan selamat sejahtera juga ke atasmu"*, maka batallah sembahyangnya jika dia mengetahui akan keharamannya kerana lafaz seumpama itu adalah berbentuk khitab iaitu ada percakapan antaranya dengan pemberi salam. Jika ia melakukannya kerana jahil akan keharamannya, maka tidak batal sembahyangnya.

Sekiranya dia menjawab salam dengan lafaz *'Wa'alaihissalam'* yang maknanya: *"Dan selamat sejahtera juga ke atasnya"*, maka menurut ulama, ini tidak membatalkan sembahyang kerana lafaz seumpama itu adalah doa yang tidak berbentuk *khitab* iaitu

tidak ada percakapan antaranya dengan pemberi salam.

ii. Menurut Imam asy-Syarbini *Rahimahullah*, ucapan salam kepada seorang khatib yang sedang berkhutbah adalah tidak wajib dijawab kerana kesibukannya menyampaikan khutbah itu.

Adapun ucapan salam kepada orang yang sedang mendengar khutbah pula, menurut pendapat yang ashah (paling shahih), wajib hukumnya dia menjawab salam tersebut.

iii. Ucapan salam kepada orang yang sedang khusyuk atau tertumpu akal fikirannya, hatinya ataupun jiwanya mengerjakan sesuatu perkara, yang mana kekhusyukannya itu menyebabkan dia sukar untuk menjawab salam pada ketika itu. Tidak kira dalam hal ini sama ada perkara yang dikerjakannya itu adalah perkara ibadat, seperti orang yang sedang khusyuk membaca doa, mahupun perkara keduniaan. Maka orang-orang dalam keadaan seumpama ini tidak sunat diberikan salam kepadanya dan tidak wajib mereka menjawab salam tersebut.

iv. Ucapan salam kepada orang yang sedang *qadha* *hajat* adalah tidak wajib dijawab. Bahkan makruh bagi mereka untuk menjawab salam.

v. Ucapan salam kepada orang yang sedang minum, atau sedang mengunyah makanan atau ada makanan di dalam mulutnya adalah tidak wajib dijawab, bahkan hanyalah sunat sahaja baginya untuk menjawabnya.

vi. Ucapan salam kepada orang yang sedang melaungkan azan ataupun *iqamah* adalah tidak wajib dijawab. Akan tetapi jika dia hendak menjawabnya juga maka tidaklah makruh hukumnya dan tidak pula terjejas azan ataupun *iqamah* yang didirikannya itu.

Menurut Syeikh al-Malibari *Rahimahullah*, sunat menjawab salam ketika sedang melaungkan azan atau *iqamah* itu dengan isyarat sahaja tanpa melafazkannya dan boleh juga melambatkan jawapannya sehingga dia

selesai melaungkan azan atau *iqamah* itu dengan syarat tidak jauh jaraknya antara ucapan salam dengan jawabannya itu.

vii. Ucapan salam kepada orang yang dalam keadaan sangat mengantuk adalah tidak wajib dijawab.

Keadaan Keempat: Kanak-Kanak Yang Belum Mukallaf.

Menurut ulama, ucapan salam kepada kanak-kanak yang belum *mukallaf* yakni belum baligh adalah tidak wajib dijawab bahkan hanyalah sunat sahaja kanak-kanak itu menjawabnya dan sebagai menjaga adab.

Sekiranya seseorang memberi salam kepada sekumpulan orang baligh yang bersama mereka itu terdapat kanak-kanak yang belum *mukallaf*, lalu kanak-kanak yang belum *mukallaf* itu sahaja yang menjawab salam tersebut, maka menurut al-Qadhi Hussain, Imam al-Mutawalli, Imam ar-Rafi'e *Rahimahumullah* dan lain-lainnya, tidak gugur tuntutan menjawab salam itu bagi orang-orang lain yang *mukallaf* dalam kumpulan tersebut.

Adapun ucapan salam daripada kanak-kanak yang belum baligh kepada orang yang sudah baligh pula, menurut pendapat yang shahih sepertimana yang dinukilkan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab al-Azkar, al-Majmu' dan Raudhah ath-Thalibin, wajib bagi orang yang sudah baligh itu menjawab salam yang diberikan oleh kanak-kanak itu.

Keadaan Kelima: Salam Daripada Ahli Bid'ah, Orang Yang Dengan Terang-Terangan Melakukan Kefasiqan Dan Pembuat Dosa Besar Yang Belum Bertaubat.

Menurut pendapat yang paling shahih sepertimana yang disebutkan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, ucapan salam daripada ahli bid'ah, orang yang dengan terang-terangan melakukan kefasiqan dan pembuat dosa besar yang belum bertaubat adalah tidak wajib dijawab.

إِرْسَادُ حُكْمٍ

IRSYAD HUKUM

جَبَاتُ مَفِيدَةٍ كَرِيمَةٍ
بِإِذْنِ رَبِّكَ الْكَرِيمِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Begitu juga tidak disunatkan memberi salam kepada mereka, bahkan adalah disunatkan untuk tidak memberi salam ke atas mereka sebagai satu simbol herdikan, kecaman, celaan dan menunjukkan perasaan tidak redha dengan perlakuan mereka. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata: *"Ini adalah mazhab Abdullah bin 'Amr Radhiallahu 'anhuma dan Imam al-Bukhari Rahimahullah pengarang kitab Shahih (al-Bukhari)"*.

Keadaan Keenam: Salam Daripada Orang Yang Hilang Akal Atau Hilang Sifat Mumayyiznya.

Menurut ulama, ucapan salam daripada orang yang hilang akalnya atau hilang sifat *mumayyiznya* kerana sesuatu penyakit atau sesuatu sebab seperti gila, mabuk dan sebagainya adalah tidak wajib dijawab.

Demikian beberapa penjelasan mengenai keadaan-keadaan yang tidak diwajibkan menjawab salam padanya. Mudah-mudahan penjelasan ini akan menambahkan lagi kefahaman kita tentang perkara-perkara agama khususnya tentang permasalahan menjawab salam.

WALLAHU'ALAM



SESUNGGUHNYA anak yatim dan fakir miskin adalah golongan yang berhak mendapatkan perhatian dan pembelaan. Mereka tergolong dalam kalangan orang-orang yang lemah (*dhu'afa*). Itulah sebab mengapa umat Islam diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengambil berat, memberi perhatian, berbuat baik, menyayangi dan prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 83 yang tafsirnya:

"Berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin."

Dari ayat tersebut dapatlah diambil kesimpulan bahawa berbuat baik, mengambil berat, memberi perhatian, menyayangi dan prihatin terhadap anak-anak yatim dan fakir miskin adalah satu perintah yang harus kita laksanakan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada menyebutkan tentang anjuran berbuat baik kepada anak yatim dan fakir miskin dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhua ia berkata:

"Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah dan mengadu mengenai hatinya yang keras, lalu baginda bersabda: "Berilah makan kepada orang miskin dan usaplah kepala anak

Prihatinlah kepada anak yatim dan fakir miskin

yatim."

Orang miskin yang dimaksudkan adalah mereka yang tidak mempunyai harta dan pendapatan yang mencukupi untuk keperluannya, dan mereka tidak mahu meminta-minta kepada orang lain. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Orang miskin itu bukanlah mereka yang suka meminta-minta kepada orang lain agar diberikan sesuap dan dua suap makanan dan satu-dua biji kurma." Para sahabat bertanya: "Ya Rasulullah, (kalau begitu) siapa yang dimaksudkan dengan orang miskin itu? Baginda menjawab, "Mereka ialah orang yang hidupnya tidak berkecukupan, dan dia tidak mempunyai kepandaian untuk itu, lalu diberi sedekah (zakat), dan mereka tidak mahu meminta-minta sesuatu pun kepada orang lain."

Berbuat baik, dan menyayangi fakir miskin adalah perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti sabda baginda yang maksudnya:

"Menyintai orang fakir termasuk pekerti para nabi dan benci orang miskin termasuk pekerti Fir'aun."

Salah satu bentuk perhatian dan kepedulian kepada orang miskin adalah dengan memberikan bantuan dan makanan kepada mereka. Imam al-Hakim Radiallahu'anhua meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sebaik-baiknya (orang) Islam adalah yang memberi makanan (kepada) orang-orang miskin dan memberi salam."

Islam melarang kita membeza-bezakan golongan kaya dengan fakir miskin. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amat membenci terhadap sikap demikian. Ini berdasarkan hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Seburuk-buruk makanan adalah makanan pesta (jamuan) yang mengundang orang kaya sahaja dan meninggalkan orang-orang fakir."

Rasulullah sangat mencintai dan memuliakan orang miskin. Menurut Rasulullah mereka patut mendapat kehormatan dan kemuliaan hidup kerana mereka tergolong orang-orang yang memperoleh kemuliaan dari Allah. Rasulullah juga ada menyebutkan bahawa berbuat baik kepada orang-orang fakir adalah kunci pintu rezeki. Hal ini Rasulullah jelaskan dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Mush'ab bin Sa'ad ia berkata yang maksudnya:

"Sa'ad memandang dirinya memiliki kelebihan (kedudukan lebih tinggi) daripada orang-orang yang lebih rendah darinya. Kemudian Rasulullah bersabda, "Tidaklah kalian ditolong dan dikurniakan rezeki melainkan dengan sebab orang-orang miskin di antara kalangan kalian."

Maka berbuat baiklah pada orang miskin dan dekat dengan mereka kerana dengan berbuat demikian akan memudahkan hisab seorang Muslim pada hari kiamat. Ini berdasarkan hadis Imam Muslim daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Barang siapa menghilangkan satu kesusahan dunia dari seorang mukmin, Allah akan menghilangkan darinya satu kesusahan di hari Kiamat. Dan barang siapa yang memudahkan kesulitan orang yang dikelilingi hutang, Allah akan memudahkan atasnya di dunia dan akhirat."


Begitu juga halnya dengan anak yatim. Menyayangi dan memelihara anak yatim adalah menjadi kewajipan sosial ke atas setiap umat Islam. Anak yatim ditakrifkan sebagai anak yang kematian bapa sebelum mencapai akil baligh. Anak yatim yang hilang tempat bergantung mestilah dijaga, dibimbing serta diberi kasih sayang supaya mereka merasa disayangi dan tidak disisihkan. Orang yang memelihara anak yatim sangat mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Aku dan penjaga (orang yang memberi perlindungan) kepada anak-anak yatim seperti ini di dalam syurga." Berkata Malik: "Baginda telah mengisytarkan dua jari baginda itu dengan merapatkan jari telunjuk dan jari hantu."

Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan bahawa orang yang enggan berbuat baik kepada anak yatim dan fakir miskin adalah termasuk orang yang mendustakan agama sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Ma'un ayat 1-3 yang tafsirnya:

"Tahukah engkau orang yang mendustakan agama? Maka itulah orang yang berlaku zalim kepada anak yatim. Dan dia tidak menggalakkan (dirinya dan orang lain) memberi makan orang miskin."

Brunei-Jepun terus akrab



WALAUPUN Jepun sebuah negara moden tetapi ciri-ciri kesenian lama masih tetap dipertahankan dalam sebahagian bangunan.

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

HUBUNGAN kerjasama dan persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun semakin kukuh dan mantap sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 2 April 1984, kerjasama di antara kedua-dua buah negara berterusan dalam mengukuhkan dan mengembangkan dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kebudayaan, belia, perindustrian, pertanian dan kesihatan.

Pada tahun 2009 merupakan ulang tahun yang ke-25 hubungan diplomatik kedua-dua buah negara. Kerjasama Bandar Seri Begawan - Tokyo terus diperluas dan dikembangkan bagi kepentingan rakyat masing-masing. Kita percaya hubungan baik antara negara akan terus diperluas demi kesejahteraan bersama.

Pertalian kedua-dua negara dan rakan kerja yang rapat di dalam forum-forum serantau dan antarabangsa.

Keakraban hubungan itu telah meningkatkan kerjasama yang sedia terjalin di dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelaburan, pendidikan dan pertahanan. Dalam bidang kerjasama antarabangsa, BSB - Tokyo akan terus berusaha untuk mewujudkan rantau Asia Tenggara yang aman lagi makmur.

Rangkaian kerjasama dalam bidang perdagangan kini berjalan dengan baik yang mana usaha perdagangan dua hala. Sementara itu kerjasama di bidang pendidikan akan membuahkan manfaat yang sangat banyak bagi kepentingan generasi akan datang.

Dalam Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-15 tahun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghargai usaha Jepun dalam menumpukan hubungan sesama penduduk (*people-to-people*) melalui beberapa program belia seperti Projek Kizuna.

Baginda menambah terdapat skop yang baik bagi mengukuhkan perkongsian melalui 10-Year Strategic Economic Cooperation Road Map dan berharap ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership (AJCEP) dipersetujui yang mana akan memperluaskan lagi bidang kerjasama ekonomi.

Baginda juga menambah bahawa terdapat perkara lain seperti kesalinghubungan yang boleh menyumbang dalam merapatkan jurang pembangunan di rantau ini dan berharap Jepun secara rasminya dapat menjadi rakan kongsi pembangunan BIMP-EAGA.

MEKANISME BAGI HUBUNGAN DUA HALA

Menurut sumber yang diperolehi dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), dalam jumlah perdagangan dua hala pada tahun 2011 adalah BND7.06 bilion. Sebanyak 97 peratus daripada perdagangan Negara Brunei Darussalam dengan Jepun terdiri daripada eksport LNG Brunei. Barangan import dari Jepun ke Negara Brunei Darussalam kebanyakannya ialah jentera dan kelengkapan pengangkutan.

Adalah juga dicatatkan sebanyak 4,310 pelancong Jepun melawat Negara Brunei Darussalam pada

tahun 2012.

Pada masa ini, seramai lima pelajar dari Negara Brunei Darussalam belajar di bawah Biasiswa Jepun, Kementerian Pelajaran, Sains, Sukan dan Kebudayaan Jepun (Monbukagakusho) dan beberapa orang lagi di bawah Program UBD Discovery Year serta beberapa pelajar persendirian lainnya.

Beberapa perjanjian/MOU dipersetujui antaranya pada 20 September 2011 MOU antara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Mitsubishi Corporation untuk meningkatkan pengurusan ladang dan penyelidikan teknik penanaman yang lebih baik; Pelancaran Perasmian Tenaga Suria Loji Solar di Daerah Belait yang

dibina oleh Mitsubishi Corporation pada 26 Mei 2011; MoU antara Pusat Kanser Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Hospital Umum Selatan Tohoku (Southern Tohoku General Hospital) bagi meneroka penggunaan rawatan kanser, Terapi Proton pada 16 Feb 2011; Perjanjian Projek Metanol Brunei telah ditandatangani bulan November 2005; Perjanjian Perkongsian Ekonomi Brunei - Jepun telah ditandatangani pada 18 Jun 2007, manakala pada 13 Ogos 2008: Projek Tenaga Suria/Projek Photovoltaic telah ditandatangani secara rasmi dan 20 Januari 2009 ialah Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali Ganda telah ditandatangani.

Negara Jepun merupakan

pengimport utama dan terbesar minyak dan gas cecair asli negara sejak tahun 1973 sehingga ke hari ini.

Selain itu kedua-dua negara juga mengadakan perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei-Jepun (BJEPA) pada 18 Jun 2007.

Perjanjian BJEPA itu bertujuan untuk membuka lebih banyak peluang pasaran baru bagi barangan dan perkhidmatan, di samping untuk menarik lebih banyak pelaburan di antara kedua-dua negara.

Selain daripada itu, Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam telah banyak menganjurkan acara kebudayaan untuk memperkenalkan dan membawa budaya Negara Matahari Terbit itu lebih dekat kepada penduduk Negara Brunei Darussalam antaranya mengadakan persembahan tarian tradisi Okinawa di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2009. Selain itu dalam mengukuhkan hubungan Jepun dengan ASEAN, pelbagai program telah dilaksanakan termasuklah pertukaran *people-to-people* dalam pelbagai peringkat seperti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) yang menyediakan asas yang kukuh bagi kerjasama kedua-dua buah negara pada masa hadapan.

AKRAB

Kita yakin melalui hubungan akrab dan mesra kedua-dua negara telah membolehkan BSB - Tokyo menjalin dan merencana pelbagai kerjasama dua hala seperti Keberangkatan Kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam pada 12 hingga 16 Mei.

Ini juga memungkinkan kedua-dua negara untuk terus berganding bahu di dalam meniti arena antarabangsa dan arus globalisasi bukan sahaja dapat memperkukuhkan jalinan kerjasama yang sedia wujud, tetapi yang lebih praktikal meneroka lebih banyak peluang kerjasama baru.



NEGARA Jepun adalah merupakan pengimport utama dan terbesar minyak dan gas cecair asli negara sejak tahun 1973 sehingga ke hari ini.

Brunei hargai sokongan Jepun



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah bahawa tahun ini ASEAN dan Jepun akan merayakan ulang tahun ke-40 penubuhan Rakan Dialog ASEAN-Jepun dan yakin bahawa hubungan ini akan terus berkembang.

Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe, di atas sambutan hangat yang diberikan kepada baginda di lawatan ini.

Mengakhiri titah ringkas baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe, untuk berkunjung ke Negara Brunei Darussalam lewat tahun ini.

Di luar Bilik Perjumpaan, baginda dialu-alukan oleh Perdana Menteri dan seterusnya berjalan beriringan masuk ke Bilik Perjumpaan.

Sebelum Majlis Perjumpaan bermula Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bagi sesi foto.

Kedua-dua pemimpin kemudiannya bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Sejurus selepas perjumpaan, Kebawah DYMM kemudiannya berkenan beredar ke Small Banquet Hall bagi Majlis Santap Tengah Hari yang dihos oleh Perdana Menteri Jepun itu.

Di luar Small Banquet Hall, Kebawah DYMM dan Perdana Menteri Jepun berkenan bertukar-tukar hadiah berupa Model Aeroplane U2 dan Traditional Japanese Yukata Kimono dan kemudian berangkat masuk ke Dewan Makan.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Awang Haji Mahamud bin Haji Ahmad dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Kerjasama padu terus dipererat

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Tokyo, Jepun

TOKYO, JEPUN, Isnin, 13 Mei. - Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe, mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke negara Jepun dan mengimbas kembali hubungan diplomatik yang wujud sekian lama antara kedua-dua buah negara yang semakin bertambah kukuh.

Tuan Yang Terutama dalam sembah ucapan ringkasnya menambah, hasil daripada hubungan diplomatik ini telah dapat menjalin pelbagai bidang kerjasama dan penglibatan sesama rakyat, belia dan pegawai-pegawai kerajaan.

Perdana Menteri Jepun juga menyatakan atas kerjasama persefahaman ini dan dengan termeterainya Perjanjian Kerjasama Brunei-Jepun 2007, negaranya akan terus berusaha mengukuhkan kerjasama khususnya dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan belia kedua-dua buah negara.

Perdana Menteri Jepun juga menambah bahawa Jepun akan memberikan sokongan dan kerjasama padu kepada Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN 2013, untuk mencapai kejayaan bersama rakan-rakan dialog dalam perkembangan kerjasama perdagangan, pelaburan, keamanan dan kemakmuran serantau dan sejagat.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bersalaman dengan His Imperial Majesty Emperor Akihito of Japan dalam Majlis Santap High-Tea (kanan).



Kemesraan terus terjalin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta His Imperial Majesty Emperor Akihito of Japan dan Her Imperial Majesty Empress Michiko berkenan berangkat ke Majlis Santap High-Tea.

TOKYO, JEPUN, Isnin, 13 Mei. - Hubungan kerjasama yang mesra dan berpanjangan antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun terus diperkukuhkan dari setahun ke setahun dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi, budaya, pertukaran lawatan pemimpin negara dan rakyat.

Kemesraan ini jelas terlihat apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap High-Tea bersama His Imperial Majesty Emperor Akihito of Japan dan Her Imperial Majesty Empress Michiko. Majlis itu berlangsung di Imperial Palace.


Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di pintu utama, Imperial Palace dialu-alukan oleh His Imperial Majesty Emperor Akihito of Japan dan Her Imperial Majesty Empress Michiko.

Kemudian Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta His Imperial Majesty Emperor Akihito of Japan dan Her Imperial Majesty Empress Michiko berkenan bagi bergambar ramai.

Sejurus kemudian Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta His Imperial Majesty Emperor Akihito of Japan dan Her Imperial Majesty Empress Michiko berkenan beredar ke Bilik Kunjungan bagi Santap High-Tea.

Dengan keberangkatan baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ini dilihat sebagai satu kejayaan dalam mengukuhkan lagi hubungan akrab antara kedua-dua buah negara dan kedua pemimpin diraja itu. Keberangkatan ini membuahkan hasil dalam setiap perjumpaan dan perbincangan yang diadakan.



GAMBAR-GAMBAR merakamkan suasana Majlis Perjumpaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe.



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 15 MEI 2013. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 29 MEI 2013. BILANGAN IKLAN: 19/05/13 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

1. PEGAWAI PENGKAJIAN DAN PERKEMBANGAN JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai pengetahuan dalam bidang matematik, statistik, perancangan dan penyelidikan serta mahir dalam penggunaan perisian komputer seperti *Excel*, *Access* dan sebagainya adalah kelebihan.

2. PEGAWAI LATIHAN INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN) KEKOSONGAN=3

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) TANGGAGAJI B.2 EB.3:

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

b) TANGGAGAJI B.2:

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Latihan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

- Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Berkebolehan memberikan syarahan dengan baik adalah kelebihan.
- Mempunyai *Certificate in Teaching Practice (CITP)* by *Chartered Institute of Personnel Development (CIPD)* adalah kelebihan.

3. PEGAWAI KEMAJUAN KOPERASI BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI [BINA] KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN) KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) TANGGAGAJI B.2 EB.3:

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan Koperasi / Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

b) TANGGAGAJI B.2:

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengurusan Koperasi atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat di Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) sebagai Penolong Pegawai Kemajuan Koperasi dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.
- Pernah menghadiri kursus-kursus koperasi di dalam dan luar negeri dan/atau pernah menjawat sebarang jawatan dalam koperasi adalah kelebihan.

4. PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA TINGKAT I JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

b) Sedang berkhidmat di Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

5. PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN KEMUDAHAN PELABUHAN JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

b) Sedang berkhidmat di Jabatan Pelabuhan dalam jawatan berkaitan dengan hal ehwal keselamatan dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan hal ehwal keselamatan dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

d) Pernah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Pasukan Polis Diraja Brunei dalam jawatan Leftenan atau Inspektor tidak kurang dari 5 tahun.

- Berkebolehan dan pengalaman tentang pengurusan dan penyelidikan satu Pasukan Anggota Keselamatan adalah kelebihan.
- Bagi calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kacamatanya / kanta lengkap lebih 100 *Degree*.
- Calon-calon yang terdiri daripada anggota Keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun. (Melengkapkan Borang Pengakuan Biodata).

6. PEMBANTU KESIHATAN JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

b) Sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang 3 tahun atau dalam tanggagaji D.2/D.1 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji D.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.2/D.1 atau tanggagaji sebanding tidak kurang kurang dari 6 tahun.

7. PEMBANTU PENGARANG JABATAN-JABATAN KERAJAAN D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Penulisan atau bidang bersesuaian.

ATAU

b) Sedang berkhidmat dalam Jabatan yang sama dalam jawatan berkaitan dengan bidang penulisan atau penyuntingan atau penerbitan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan bidang penulisan atau penyuntingan atau penerbitan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- Mempunyai bakat dan pengalaman dalam bidang penulisan secara kreatif dan non-kreatif serta dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.
- Pemohon-pemohon yang dapat menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik serta boleh membaca dan menulis jawi dengan baik adalah kelebihan.

8. PEMBANTU BANDARAN TINGKAT II JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU

b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

9. PEMBANTU PENYELIDIK SEJARAH PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

- 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Sejarah / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- Mempunyai kebolehan dan kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan.
- Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik.

10. PENJILID TINGKAT II JABATAN-JABATAN KERAJAAN D.1 EB.2-3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU

b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penjilid Tingkat III dalam tanggagaji E.2 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Dari muka 14

**11. JURUTEKNIK FOTO TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.1 EB.2-3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambrige Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
- Berkebolehan memproses filem-filem gambar serta membuat caption adalah kelebihan.

**TEMPAT MENGHANTAR
BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN 1 HINGGA 11:**

**KAUNTER PERMOHONAN TINGKAT 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961 / 2381337
(BHG. PENGAMBILAN)
TEL NO: 2382383455 (BHG. IKLAN)**

**IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK
PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI**

**GH12. PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN
DAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=3**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan adalah kelebihan.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai pengetahuan dalam bidang matematik, statistik, perancangan dan penyelidikan serta mahir dalam penggunaan perisian komputer seperti Excel, Access dan sebagainya adalah kelebihan.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan dan dihantar ke alamat berikut:

**TEMPAT MENGHANTAR
BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN GH12:**

**JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN
DAN PENYELIDIKAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG
PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH12 ADALAH
PADA HARI RABU 29 MEI 2013.**

**GH13. PEGAWAI PENDIDIKAN
POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PG.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=14**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan atau dalam salah satu bidang berikut atau bidang bersesuaian:
i) **InfoCommunication & Technology**
(Database Management Systems, Information Systems Management & Security, Web Applications Development Technologies, Computer Network & Data Communications, Mobile & Wireless Computing, Network Programming, Network Administration & Management, Project Management, Management for Information Professional, Special Libraries, Archives & Preservation of Materials, Heritage Preservation, Professional Issues and Skills);

ii) **Business**

(Technopreneurship (IT), Entrepreneurship and IT Management, Business Administration / International Business, Operations and Logistics Management, Purchasing and Material Management, Supply Chain Management, Strategic Management, (Computer) Business Information System, Management Information Systems, Information Technology Management);

iii) **Interior Design**

(Interior Design, Exhibition Design, Spatial Design, Interior Architecture, Visual Communication Studies/Working Drawing for Interior Design, Design Process, Computing and CAD for Interior Design).

- Mempunyai kelulusan-kelulusan berikut adalah kelebihan:
i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Dua Atas (Upper Second Class).
ii) Ijazah Sarjana Muda (Master by Coursework or Research).
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali adalah kelebihan.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa antarabangsa dengan baik.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan dan dihantar ke alamat berikut:

**TEMPAT MENGHANTAR
BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN GH13:**

**POLITEKNIK BRUNEI
BLOK 2E
KONDOMINIUM ONG SUM PING
JALAN ONG SUM PING, BA1311
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG
PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH13 ADALAH
PADA HARI SELASA 28 MEI, 2013 JAM 3.00 PETANG.**

**GH14. GURU
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.3 (BAHAGIAN III)
KEKOSONGAN=43**

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang pengkhususan disiplin atau bersesuaian dalam bidang berikut:
• Computer Studies
• Business and Finance
Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Sijil Perguruan dalam tempoh tiga (3) tahun selepas dilantik ke jawatan ini.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan dan dihantar ke alamat berikut:

**TEMPAT MENGHANTAR
BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN GH14:**

**TINGKAT 4, BLOK 2J
KONDOMINIUM ONG SUM PING
BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN
PERKEMBANGAN GURU
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG
PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH14 ADALAH
PADA HARI RABU 29 MEI 2013.**

PEMBERITAHUAN:

- Penggunaan Borang SPA/1 & SPA/2
a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2.
b. Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 atau SPA/2 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.
c. Pemohon yang memohon lebih dari satu (1)

jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.

d. Borang SPA/1 hanya perlu diisikan dengan lengkap sekali sahaja iaitu bagi pemohon yang pertama kali memohon jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Permohonan kali kedua dan seterusnya hendaklah menggunakan borang SPA/2.

e. Bagi Iklan jawatan bilangan GH12 hingga GH14 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.

f. Borang SPA/1 dan SPA/2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama- sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

g. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan borang SPA/1 atau SPA/2, sila hubungi kaunter Bahagian Pengambilan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di nombor talian 2381961 sambungan 588 & 574.

- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
b. Rekod Perkhidmatan yang lengkap.
- Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK selama tempoh perkhidmatannya.

- 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
- Permohonan yang diterima lewat daripada 29 MEI 2013 tidak dilayan.
- Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;
• Menelefon 2381961 Sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
• Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
• Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>
- Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-
• Pejabat Daerah Belait;
• Pejabat Daerah Temburong.
• Pejabat Daerah Tutong;
• Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.

**PEMBATALAN IKLAN JAWATAN KOSONG
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
MENURUT PERATURAN 7(a)
KELUARAN: 16 MEI 2012
TARIKH TUTUP: 30 MEI 2012
BILANGAN IKLAN: 20/05/12 (SPA/BIKL)**

**6. PEMBANTU PENYELIDIK
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 – \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan yang tersebut di atas adalah **DIBATALKAN** atas sebab-sebab tertentu.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV, V & VI, Sijil Pendaftaran Section 16 & 17).

Tarikh iklan/mengambil dokumen tawaran : **Bermula 11 Mei 2013 selama 3 minggu Hari Sabtu**

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran : Tidak lewat jam 2.00 petang, 11 Jun 2013 Hari Selasa

Tarikh tutup tawaran pada : Hingga jam 2.00 petang, 12 Jun 2013 Hari Rabu

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan/pembekal/pemborong (sealed), ditulis dengan

menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Projek :

**PEMBAIKAN KENDERAAN BOMBA
JABATAN PENERBANGAN AWAM
BG 6060(F.2)**

Bilangan Tawaran : AME/2013-2014/SH-10

Tajuk Projek :

**PEMBAIKAN DAN MEMBEKAL ALAT
GANTI KENDERAAN SWEEPER
JABATAN PENERBANGAN AWAM
BG 4903**

Bilangan Tawaran : AME/2013-2014/SH-11

Kepada;

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga

**d/a Bangunan Terminal Tingkat 2,
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam **tidak lewat jam 2:00 petang, pada Hari Rabu, 12 Jun 2013**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar Yuran Dokumen sebanyak B\$10.00 (Hardcopy) - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut:

**Hari Isnin hingga Khamis
8.00 pagi – 11.00 pagi
2.00 petang – 3.30 petang**

Hari Sabtu

8.00 pagi – 10.00 pagi

5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

7. Sesi taklimat tawaran (briefing) atau/dan lawatan tapak (site visit) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut:

**Pada : (1) 23 Mei 2013 – Hari Khamis
(2) 30 Mei 2013 – Hari Khamis
(3) 5 Jun 2013 – Hari Rabu
Jam : 8.30 pagi hingga 11.30 pagi
1.45 petang hingga 03.30 petang**

Tempat Berkumpul : Dewan Serbaguna, Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk

**“KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
KEROSAKAN BAGI BANGLO E.1,
SPG 51, JLN KUSTIN, PERUMAHAN
BOMBA PENERBANGAN AWAM.”**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :-

“KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH

**KEROSAKAN BAGI BANGLO E.1,
SPG 51, JLN KUSTIN, PERUMAHAN
BOMBA PENERBANGAN AWAM.”**

**Bilangan Tawaran : DCA/AFS/2013/SH-05
Tarikh Tutup : 22 Mei 2013**

Kepada : **Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga,
d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2,
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei,**

**Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Perhubungan,
Bandar Seri Begawan BB 2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada dengan Jawatankuasa Sebut Harga **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu 22 Mei 2013**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja dengan bayaran sebanyak \$5.00 (tidak

dikembalikan).

5. Penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam.

Tel : 2330142 sambungan 1632 / 1633

Fax : 2334776

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**BIL TAWARAN :
(7) JBS/ ADM/UP/2013**

Peti Sebut Harga,
Tingkat 4,
Jabatan Belia dan Sukan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA 1211
Negara Brunei Darussalam

**BIL TAWARAN : (14) JBS/ADM/QC/2013
KETERANGAN :
Emre Turak is an expert coral taxonomist and leading exponent of coral reef surveys, monitoring and conservation, as an expert consultant with CORMEC (Coral Reef Monitoring, Ecology and Conservation). He has done research on hard-corals in 18 countries across the world, most notably around Indonesia, PNG, the Red Sea, and the Great Barrier Reef. In addition to dozens of reports and published journal papers, together with Lyndon DeVanier he has published a 'Field Guide to the Reef-building Corals of Brunei Darussalam', which incorporates in great majority his own photography.

Celebrate the Seas International Imagery Competition

During 04-07 June an International Underwater Photography competition will be taking place. Underwater photographers will be shooting in selected Brunei Diving Spots.

The winning images will be used for education and conservation efforts in the region. Prize money up for grabs is total **USD 5,000!**

Catagories & Prizes For International Brunei Shoot Out

1. Portfolio Competition - 10 images (3,000 USD)
2. Digital Portfolio - 3 images (1,000 USD)
3. Best Macro (1,000 USD)

Besides the prize money, winners will also be awarded with medals.

Entry Fee :
AUD \$30, Subsequent entry for other categories AUD \$20 per category.

For more information or queries email:
michael@oneocean.com

LOCAL BRUNEI SHOOT OUT

Catagories & Prizes For Local Shoot Out

Open entry from 17-22 May 2013

1. Portfolio Competition - 10 images (2,500 BND)
2. Digital Portfolio - 3 images (800 BND)
3. Best Macro (800 BND)

Besides the prize money, winners will also be awarded with medals.

FREE ENTRY

For more information or queries email:
aster@brunei@gmail.com

Last submission on 24 May 2013

Art / Photography Exhibition

The Celebrate the Sea Festival promotes the beauty of our oceans to entertain and inspire, and more importantly, to motivate people to take action in preserving our natural environment. The 'Oscars' of underwater imagery is the highlight of the Celebrate the Sea Festival where the winners of the CTS International Underwater Imagery Competition and the Most Influential Underwater Photographer Shoot Out Competition will be revealed at the Gala / Award Ceremony Dinner on the 9th of June 2013 at the Empire Hotel & Country Club Brunei.

All finalists work will be exhibited at the hotel foyer



CELEBRATE THE SEA

BRUNEI DARUSSALAM

World Oceans Day

In conjunction with World Oceans Day

Now into its 12th year, the Celebrate the Sea Festival is to be staged in Brunei Darussalam to celebrate World Oceans Day from 7 to 9 June 2013, in collaboration with the Ministry of Industry and Primary Resources of Brunei Darussalam, OceanNEnvironment, Australia and Astera Consultant, Brunei looks forward to staging the most exciting festival in the city of Brunei Darussalam. To celebrate the marine heritage of Brunei Darussalam, one of the highlights of the 2013 festival is an underwater photography shoot-out from 3-7 June with a prize money from USD 5000 cash.

This festival is seen as the dominant platform to promote conservation, marine tourism, providing education and entertainment to create a greater awareness of our ocean environment.

Some of the world's most renowned ocean luminaries, underwater image makers and ocean lovers will meet in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam from 7 to 9 June 2013 to celebrate at this year's festival in conjunction with the WORLD OCEANS DAY, significantly manifesting the day to celebrate the sea - the most important element that sustains all life on earth.

JUNE 2013



Judging of photography, Film Preview & exhibition opening

Children's Art Competition Preliminary Round Theme: Sharks Are Friends

OFFICIAL LAUNCHING
World Ocean Day & Celebrate the Sea Festival
Film Festival, Water Sports (Banana boat rides, Kayaking) at the Lagoon : Discover Scuba experience, family activities - Prizes to be won with Tube Water Polo and Water treasure Hunt Competition.
Exhibition of Underwater Photography, Paintings, Children's Art Corner.
GALA DINNER & AWARD CEREMONY



7-9 JUNE 2013
EMPIRE HOTEL & COUNTRY CLUB
BRUNEI DARUSSALAM

All Enquiries please email:
michael@oneocean.com
aster@brunei@gmail.com

NO TO SHARK FINS TRADE




**UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**

**UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN
JABATAN
KESELAMATAN DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran : JKDN/UTP/1/2013

Butir-Butir Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membersihkan dan memotong rumput di kawasan Perumahan, Barik dan juga Padang Permainan serta keliling pagar seluas 3 kaki di bahagian luarnya, kepunyaan Unit Tahanan dan Pemulihan, Jabatan Keselamatan

Dalam Negeri.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis “TAWARAN MEMBERSIH DAN MEMOTONG RUMPUT DI KAWASAN PERUMAHAN, BARIK DAN JUGA PADANG PERMAINAN SERTA KELILING PAGAR SELUAS 3 KAKI DI BAHAGIAN LUARNYA, KEPUNYAAN UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN” PENGARAH JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI (UP: KETUA PENGUASA, UNIT TAHANAN DAN

PEMULIHAN), PETI SEBUT HARGA, UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN, JERUDONG BG 3110.

Tidak lewat dari pukul 2.00 petang hari Rabu 22 Mei 2013.

3. Setiap tawaran hendaklah ada menyertakan dan menyertakan:-

3.1 Salinan Sijil Pendaftaran perniagaan

3.2 Keramaian pekerja

3.3 Jenis perkakas/alat yang dimiliki

3.4 Jenis kemudahan/kenderaan yang ada

3.5 Pengubahan harga tawaran dengan menggunakan ‘blanco’ adalah tidak diiktiraf sama sekali. Pengubahan hendaklah dibuat dengan cara memotong angka-angka yang

tidak betul dan menuliskan angka yang betul di atasnya dan seterusnya menandatangani setiap pembetulan tersebut.

4. Borang Tawaran dan syarat-syarat mengenainya boleh diperolehi di Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri pada waktu-waktu pejabat dibuka.

5. Tawaran yang lewat diterima daripada tarikh dan masa yang ditetapkan serta kegagalan memenuhi syarat-syarat tawaran tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidaklah semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.


**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL
EHVAL DALAM NEGERI**

**PROJEK 1: SUPPLY AND DELIVER
ONE (1) UNIT WATER TENDER
LADDER WITH COMPRESSED AIR
FOAM SYSTEM (CAFS) FOR
MENTIRI FIRE STATION
KOD PROJEK : BFRD/LTN/01/2013/2014
TENDER FEE: \$200.00**

**PROJEK 2: SUPPLY AND DELIVER
ONE (1) UNIT WATER TENDER
LADDER WITH COMPRESSED AIR
FOAM SYSTEM (CAFS) FOR**

**MENTIRI FIRE STATION
KOD PROJEK : BFRD/LTN/02/2013/2014
TENDER FEE: \$200.00**

Syarat-Syarat Tawaran :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Tingkat 1, Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan BS 8610,
Negara Brunei Darussalam.**

b. Tawaran mestilah dihantar dalam satu (1) salinan berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport

pemilik sebagai rujukan lembaga.

c. Tarikh tutup tawaran mengikut projek berkenaan adalah seperti berikut ialah pada **hari Selasa, 4 Jun 2013 tidak lewat jam 2.00 petang**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

d. Taklimat dan Penerangan (information Day) bagi projek ini akan diadakan pada hari Selasa 21 Mei 2013 jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas.

e. Dokumen tawaran bolehlah diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam.

i. Pembayaran-Bahagian Kewangan Tingkat Bawah (Ground Floor).

ii. Pengambilan Dokumen - Ofis Pentadbiran Pengarah Tingkat 2 (2nd

sahaja.

iii. Pembayaran dan Pengambilan dokumen ialah pada hari-hari bekerja sahaja.

f. Pembayaran 'Tender Fee' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan (*not refundable*).

g. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan ada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.

h. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.


KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai Hari Rabu 27 April 2013. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.

Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang,**

Hari Selasa pada 28 Mei 2013. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

ISNIN – KHAMIS

8.00 PAGI – 11.00 PAGI

2.00 PETANG – 3.00 PETANG

SABTU

8.00 PAGI – 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

• Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan

Kementerian Kesihatan.

• Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan

(Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act’ (Cap. 114).

• Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen

Pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispanu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

**- BIL TAWARAN : KK/128/2013(ESTET)
KETERANGAN : SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION, TESTING
AND COMMISSIONING OF MEDICAL
COMPRESSED AIR ASSOCIATED
ACCESSORIES AT RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA HOSPITAL
Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan
Kementerian Kesihatan
YURAN TAWARAN: \$30.00**

TARIKH TUTUP Tidak lewat jam 2.00 petang, 28/05/2013

**- BIL TAWARAN :KK/129/2013(ESTET)
KETERANGAN : STRUCTURE AT
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA HOSPITAL BANDAR SERI
BEGAWAN BRUNEI DARUSSALAM
Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Kementerian
Pembangunan**

**YURAN TAWARAN :\$500.00
TARIKH TUTUP tidak lewat jam 2.00 petang 28/05/2013**

**- BIL TAWARAN :KK/130/2013(RKN)
KETERANGAN : DESIGNING NEW
DRUG STORE AT RIPAS HOSPITAL
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI DARUSSALAM**

**Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian Kesiha-
tan dan Kementerian Pembangunan
Kelas: III dan Ke atas,**

**Kategori: KA01, B01, M01, E01, E02
YURAN TAWARAN : \$30.00**

TARIKH TUTUP tidak lewat jam 2.00 petang 28/05/2013

**- WEBSITE KEMENTERIAN
KESIHATAN PADA 27/04/2013**


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi: **KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN TAPAK STESEN-STESEN KAJICUACA JABATAN PENERBANGAN AWAM.**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

TAWARAN BAGI

**”KERJA-KERJA PEMOTONGAN
RUMPUT DAN PEMBERSIHAN TAPAK
STESEN-STESEN KAJICUACA
JABATAN PENERBANGAN AWAM”**

Bilangan Tawaran :JPA/MET/2013/SH-06

**Tarikh Tutup :
RABU 29 MEI 2013**

Kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerbangan Awam
Bangunan Terminal**

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

**Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut harga hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga yang beralamat di atas **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Rabu 29 Mei 2013.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang sebut harga boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja dengan harga **\$5.00 senaskah** (tidak dikembalikan). Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Perkhidmatan Kajiucua di talian 2381342.

5. Sebut harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang ANNEX B1 yang telah di-

sediakan. Jumlah harga tawaran hendaklah dicatat / ditulis dengan betul dan jelas demi mengelakkan sebutharga tidak akan dilayan. Barang yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan dalam Annex B2.6. Sebut harga hendaklah sah sehingga 120 hari dari tarikh tutup sebut harga.

7. Penender hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta salinan Kad Pintar atau Pasport pemilik.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

24 saudara baru terima bantuan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Sabtu, 11 Mei. - Seramai 24 saudara baru menerima bantuan barang-barang keperluan harian (barang dapur) bagi sesi April 2013 hingga Mac 2014 dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar, di sini.

Penyerahan bantuan disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Haji Marzuki bin Haji Abdul Rahman.

Berucap pada majlis itu Ustaz Haji Marzuki menjelaskan, bantuan kepada saudara-saudara baru itu merupakan sumbangan yang dihulur-

kan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda pemeduliaan kepada saudara-saudara baru yang kurang berkemampuan di negara ini.

Oleh itu, beliau menasihatkan kepada saudara-saudara baru yang menerima bantuan tersebut supaya sentiasa berdoa agar baginda serta kerabat diraja lainnya akan sentiasa dilindungi dan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta kekal karar memerintah negara sebagai tanda menjunjung kasih di atas bantuan yang dihulurkan.

Bantuan kebajikan PDI itu juga merupakan salah satu cara pemeduliaan dan pemeliharaan yang berbentuk fizikal/material atau dikenali dengan *da'wah bil hal* kepada golongan yang susah dalam kalangan saudara-saudara baru bagi menjamin kualiti kehidupan mereka agar lebih baik dan selesa setelah mereka memeluk agama Islam.

Dengan adanya bantuan tersebut diharap dapat meringankan apa jua kesulitan dan kesusahan yang dialami oleh para penerima dan akan dapat memudahkan lagi mereka untuk menjalani kehidupan seharian serta memberi keselesaan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat menunaikan ibadat dengan baik.



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Marzuki bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan bantuan barang keperluan harian kepada seorang saudara baru di Daerah Temburong.

Tingkatkan pengetahuan tentang puasa

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Sabtu, 11 Mei. - Seramai lebih 20 wanita mewakili persatuan-persatuan wanita di daerah ini yang menamatkan Kursus Ta'lim iaitu Kursus Fiqh As-Shiam yang diadakan setiap hari Sabtu sejak 4 Mei lalu menerima sijil masing-masing, berlangsung di Dewan Bukit Retak, Pusat Belia, Pekan Bangar.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pegawai Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Amal Hayati binti Haji Amit.

Kursus yang diungkayahkan oleh Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI itu merupakan rancangan tahunan unit berkenaan dengan objektif bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai Rukun Islam yang ketiga (puasa) selain untuk menghayati dan melaksanakan ibadah berkenaan dengan sempurna.

Dalam sepanjang kursus tersebut para peserta berpeluang meningkatkan



SEORANG peserta Kursus Fiqh As-Shiam menerima sijil yang disampaikan oleh Pegawai Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Amal Hayati binti Haji Amit.

pengetahuan tentang bab-bab puasa termasuk hikmah berpuasa, rukun-rukun berpuasa, Sembahyang Sunat Tarawih dan witr, zakat fitrah dan sebagainya.

Pihak PDI berharap dengan adanya kursus seumpamanya, para peserta

akan dapat mengulangkaji pengetahuan dan meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada agar dapat diamalkan dalam kehidupan seharian selain menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Mempelbagai teknik dalam pengajaran dan pembelajaran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Seramai 100 orang murid Tahun 6 Sekolah Persediaan Arab seluruh negara menyertai Program Aktiviti Ko Akademik dan Sains dan Matematik Peringkat I'Dadi, yang berlangsung di Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan (SPABS), di sini.

Majlis yang dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan seterusnya taklimat syarat permainan Sains dan Matematik itu turut dihadiri oleh Guru Besar SPABS, Dayang Rusidah binti Haji Talip.

Program aktiviti ko-akademik itu bertujuan untuk mempelbagaikan pendekatan dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah fokus dalam menaikkan dan memantapkan pencapaian keputusan Penilaian Sekolah Rendah



GURU Besar Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan, Dayang Rusidah binti Haji Talip semasa hadir dalam Program Aktiviti Ko Akademik dan Sains dan Matematik Peringkat I'Dadi bagi pelajar-pelajar Tahun 6 sekolah berkenaan.

(PSR).

Di samping itu, ia juga untuk membuka ruang kolaborasi dan kerjasama di antara guru dan murid secara berkumpulan dalam

penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti pertandingan mahupun permainan yang sihat dalam kalangan Sekolah-sekolah Arab di bawah Jabatan Pengajian Islam.

13 peserta bertanding peringkat saringan Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an Belia

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Mei. - Seramai 13 orang peserta menyertai Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an Belia Kebangsaan 1434H/2013M Peringkat Saringan yang berlangsung di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia di ibu negara bagi pemilihan peserta ke peringkat separuh akhir kebangsaan yang akan diadakan pada 28 Mei nanti.

Penganjuran pertandingan juga adalah bagi membuat persediaan dalam memilih wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Pada tahun ini, peringkat saringan dikendalikan oleh Cawangan Belia dan Sukan di keempat-empat buah daerah dan para peserta dari Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Temburong akan bertanding di Pusat Belia Cawangan Daerah Brunei dan Muara, manakala para peserta dari Daerah Tutong dan Daerah Belait akan bertanding di Pusat Belia Cawangan Daerah Tutong.

Peserta-peserta pada peringkat ini adalah bebas untuk memilih mana-mana *Maqra* yang telah disediakan oleh pihak penganjur dan para peserta qari dan qariah yang berjaya memungut markah 75 peratus ke atas dan di dalam kedudukan tujuh qari dan tujuh qariah terbaik di peringkat saringan adalah layak untuk memasuki peringkat separuh

akhir kebangsaan.

Jemaah hakim pertandingan yang dilantik oleh pihak penganjur adalah terdiri daripada enam orang iaitu Pengerusi Jemaah Hakim, Penolong Pengerusi Jemaah Hakim-hakim Ganti, Hakim Tajwid, Hakim Fasahah, Hakim Suara dan Hakim Lagu.

Keputusan pertandingan ini akan dimaklumkan kemudian bagi penyertaan ke peringkat seterusnya.

Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an Belia Kebangsaan adalah salah satu projek tahunan yang diungkayahkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, KKBS dan ianya telah dilaksanakan sejak tahun 80-an lagi dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, pertandingan juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Qur'an secara berlagu atau *taranum*.

Pertandingan juga antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan lagi mutu pembacaan Al-Qur'an dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam serta dapat memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan para peserta belia melalui program keagamaan.



PESERTA qariah yang menyertai Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an Belia Kebangsaan 1434H/2013M Peringkat Saringan semasa memperdengarkan bacaannya pada pertandingan tersebut.

Penyampaian hadiah Kejohanan Golf Sambutan Hari Guru

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

JERUDONG, Ahad, 12 Mei. - Abdul Kadir bin Haji Ghani dan Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Besar masing-masing juara keseluruhan 'Overall Nett' dan 'Gross Nett' Kejohanan Golf Sempena Sambutan Hari Guru Ke-22 tahun 2012.

Kejohanan dua hari itu disertai oleh lebih 100 pemain golf bagi Kategori Orang Kenamaan, Jemputan, Senior I, Senior II, Division A, B dan C diadakan di Kelab Golf, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Bagi Kategori Orang Kenamaan juara ialah Timbalan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned, kategori Jemputan disandang oleh Haji Aldani bin Haji Omar.

Sementara bagi Senior I usia antara 55 hingga 65 tahun, juara ialah Pengiran Dr. Haji Yakub bin Pengiran Haji Othman, Senior II usia 66 tahun ke atas dimenangi oleh Dato Rodrick Yong.

Manakala bagi Division A milik Pengiran Sharifuddin, Division B disandang oleh Zaman bin Haji Gapar dan Division C dijuarai oleh Masran

bin Haji Zamain.

Para pemain golf terdiri dari pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Perkhidmatan Awam termasuk juga mereka yang telah bersara yang pernah bertugas sebagai pengajar.

Hadir menyampaikan hadiah ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan hadiah 'Gross Net' kepada Abdul Kadir bin Haji Ghani dalam Kejohanan Golf Sempena Hari Guru Ke-22 bertempat di Kelab Golf Empire Hotel and Country Club, Jerudong.



Kemeriahkan aktiviti kem keluarga sihat ibu dan anak

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Mei. - Bersempena dengan Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa yang jatuh pada 12 Mei setiap tahun, Negara Brunei Darussalam turut sama meraikannya dengan mengadakan aktiviti 'Kem Keluarga Sihat Bagi Ibu dan Anak'.

Majlis Pelancaran Sambutan Hari

Jururawat Antarabangsa 2013 yang berlangsung di Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Lambak Kanan disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof

selaku tetamu kehormat dan Datin Paduka Hajah Salmah binti Haji Hanafiah.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut antara lain menjelaskan Majlis Jururawat Antarabangsa (International Council of Nurses ICN) pada tahun ini telah memilih tema 'Closing Gap : Millenium Development Goal 8, 7, 6, 5, 4, 3, 2, 1' bagi Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2013.

Tema tersebut jelasnya bertujuan untuk menjadi *countdown* ke arah tahun 2015, sebagai tahun mencapai semua target Matlamat Pembangunan Millenium khususnya memberi penekanan terhadap pencapaian yang berkaitan dengan kesihatan.

Antara matlamat dan objektif sambutan pada tahun ini jelasnya adalah untuk menggalakkan jururawat dan bidan dalam melibatkan diri bagi menyumbang ke arah mempromosi kesihatan, pencegahan, rawatan dan penghapusan penyakit terutamanya dalam kalangan ibu-ibu dan kanak-kanak dan bagi semua peringkat masyarakat amnya melalui kaedah pendekatan secara inovatif dan penyampaian perkhidmatan dalam suasana kerja yang berlainan.

Kem Keluarga Sihat bagi Ibu dan Anak dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti termasuk sesi senamrobik,



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan semasa mengikuti acara sesi senamrobik pada majlis tersebut.

peraduan MOM Master Chef, pertunjukkan memasak dan menyediakan makanan sihat, sesi dialog penyusuan susu ibu dan pameran promosi kesihatan.

Aktiviti tersebut sejajar dengan tema tahun ini yang bertujuan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan ibu-ibu, anak damit dan kanak-kanak terutamanya mengenai isu permakanan seperti yang dilaporkan dalam hasil dapatan kajian '2nd National Health Nutritional Status Survey (NHANSS)' Kementerian Kesihatan pada tahun 2012.

Antara hasil laporan dapatan

tersebut termasuk anaemia dalam kalangan ibu-ibu mengandung, kadar berat badan anak damit yang rendah semasa di lahirkan *low birth weight*, kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif yang masih rendah dan kadar obesiti yang meningkat dalam kalangan kanak-kanak sekolah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Pengarah, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, Jururawat-Jururawat dan bidan-bidan dari ke empat-empat daerah.

Lebih 500 peserta mengharungi Cabaran Mendaki Bukit

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Masri Osman



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Cabaran Mendaki Bukit.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Mei. - Awang Danial bin Abu Bakar muncul juara Cabaran Mendaki Bukit pada Sukan Ria Antara Syarikat-syarikat Ke-3 2013 bagi Kategori Lelaki yang berlangsung di Taman Peranginan Tasek Lama, di sini.

Manakala, naib juara disandang oleh Awang Sahriman bin Haji Kampong diikuti Awang Md. Hardiani bin Metusin di tempat ketiga.

Sementara Pearl Lim Ching Tieng memenangi bagi Kategori Wanita, naib juara disandang oleh Cecilia Maksimoo dan tempat ketiga ialah Dayang Hajah Norzanah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan senamrobik beramai-ramai diikuti dengan pelancaran Cabaran Mendaki Bukit yang dirasmikan oleh tetamu kehormat.



YANG Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof ikut menyertai Cabaran Mendaki Bukit sejauh 3 kilometer (km) bagi lelaki dan 2 km bagi wanita.

Lebih 500 peserta menyertai Cabaran Mendaki Bukit sejauh 3 kilometer (km) bagi lelaki dan 2 km bagi wanita termasuk Fun Hike sejauh 4.2 km

Sukan Ria Antara Syarikat-syarikat

itu anjuran Jabatan Buruh dengan sokongan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dikanalalkan bersama Sunlit Advertising Sendirian Berhad yang di jangka akan berakhir pada 26 Mei nanti.

Berangkat bermesyuarat bersama ahli FIFA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) yang juga Presiden Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) ketika bersalaman dengan pegawai dari Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto :
Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 14 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) yang juga Presiden Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) berkenan berangkat menghadiri mesyuarat bersama dengan dua orang pegawai dari Persekutuan Bolasepak

Antarabangsa (FIFA).

Majlis berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini. Semasa mesyuarat tersebut dua orang perwakilan berkenaan antara lain mendengarkan penerangan mengenai latar belakang BDNOC yang disampaikan oleh Naib Presiden dan Pemangku Setiausaha Agung BDNOC, Awang Haji Md. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani. Mesyuarat diakhiri dengan sesi bergambar ramai. Juga menghadiri mesyuarat ialah ahli-ahli jawatankuasa eksekutif BDNOC.

Presiden NFABD berangkat ke Majlis Makan Malam Rasmi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Presiden Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Rasmi yang dihoskan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Rasmi yang dihoskan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) di Li Gong Restaurant, Empire Hotel and Country Club di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Timbalan Presiden NFABD, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Sugara Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Hadir sama di majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Timbalan Menteri

Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berserta pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua kementerian tersebut.

Juga hadir dua orang pegawai dari FIFA, Mr. Jeysing Muthiah dan Mr. Sivaji Nair berserta pegawai-pegawai dari BDNOC dan EXCO NFABD.

Dalam temubual bersama Mr. Jeysing Muthiah berkata keberadaan mereka ke negara ini adalah untuk membuat satu rancangan bagi jangka masa dua tahun yang mereka panggil sebagai pelan tindakan supaya dapat mengembalikan pembangunan bola sepak di negara ini.

"Kita datang ke sini untuk buat analisis, untuk buat interview dengan stakeholders bola sepak di Brunei dan lepas itu kita akan bentangkan dan dari itu kita akan buat recommendation dan action plan untuk dua tahun bagi pembangunan bola sepak di Brunei", ujar beliau.

Terangnya sejak Negara Brunei Darussalam digantung dua tahun tidak ada aktiviti bola sepak di peringkat serantau mahupun antarabangsa dan dalam hubungan itu jelasnya mereka akan membuat pembangunan semula dari semua aspek seperti kejurulatihan, pengadil, pembangunan bola sepak dari akar umbi dan juga untuk infrastruktur seperti pusat latihan teknikal melalui gold project dari FIFA.

Perwakilan FIFA teliti perkembangan NFABD

Dari muka 1

Sementara itu, sepanjang diadakan 'Prestasi: Kajian Organisasi Program Pengurusan Bola Sepak FIFA dan Retreat Kepimpinan' (Performance: The Football Management Program of FIFA Organizational Review and Leadership Retreat) berbagai program telah diatur oleh NFABD seperti mesyuarat bersama ketua jurulatih kebangsaan selain pertemuan dengan pihak-pihak dari kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan.

Manakala pada 16 Mei depan akan diadakan Penemuan, Cadangan dan Pelan Tindakan : Kepimpinan (Findings, Recommendations and Action Plan : Leadership) yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club dan dijangka akan dirasmikan oleh Presiden NFABD yang kemudian akan disusuli dengan seminar atau bengkel mengenai pengurusan dan pentadbiran bagi EXCO NFABD dan kakitangannya.

Usaha bersepadu banteras penyeludupan dadah masih diperlukan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mei. - Walaupun Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemajuan dalam menangani ancaman dadah, namun usaha-usaha bersepadu dari negara-negara serantau dan antarabangsa masih diperlukan bagi membanteras aktiviti-aktiviti berkaitan dadah terutama sekali terhadap penyeludupan merentasi sempadan.

Beberapa kes baru-baru ini telah mendapati percubaan sindiket dadah antarabangsa untuk menjadikan negara ini sebagai pusat transit bagi pengedaran dadah keluar negara.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Presiden Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-34, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim menegaskan demikian pada Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Mencari

Fakta AIPA Ke-10 Bagi Memerangi Ancaman Dadah (AIFOCOM).

Penyalahgunaan dadah jenis syabu, jelas Yang Berhormat, telah menyebabkan kebimbangan di rantau ini dan Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada ancaman tersebut.

"Tahun lalu sahaja, 402 dari 450 orang telah ditangkap oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) terlibat dengan dadah syabu. Negara Brunei Darussalam akan memantau situasi itu secara berterusan dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan ancaman tersebut tidak akan timbul di kemudian hari," tambah Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong, di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa pengeluaran, pembekalan dan permintaan serta penyeludupan dan pengedaran dadah narkotik menimbulkan ancaman kepada keselamatan dan kestabilan di rantau, di samping menjejaskan

kesihatan dan kesejahteraan kepada dunia dan manusia terutama sekali generasi muda.

Isu dadah haram sering menjadi agenda utama untuk dibincangkan dalam Perhimpunan Agung AIPA dan beberapa mesyuarat berkaitan.

Yang Berhormat juga berharap mesyuarat tersebut akan menjadi satu forum yang berhasil dan produktif ke arah meningkatkan peranan AIPA dalam menyumbang ke arah mencapai ASEAN Bebas Dadah pada tahun 2015.

Selaras dengan tema 'Achieving a Drug-Free ASEAN : A Common and Shared Responsibility' terang Yang Berhormat, AIFOCOM akan terus mengukuhkan lagi hubungan institusi dan penyaluran antara pelbagai mekanisme ASEAN yang terlibat dalam memerangi pengedaran dadah.

Menurut Yang Berhormat, AIFOCOM juga mempunyai peranan dalam melaksanakan inisiatif ASEAN terutamanya objektif dalam perancangan bagi komuniti ASEAN dalam bidang utama seperti pendidikan dadah, maklumat dadah, pencegahan dalam masyarakat, rawatan, pemulihan dan penguatkuasaan undang-undang.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Presiden Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-34, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim semasa berucap pada Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Mencari Fakta AIPA Ke-10 Bagi Memerangi Ancaman Dadah (AIFOCOM).

'DADAH MUSUH NEGARA'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.